



فلیتا برونئی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.54 | SUBUH 5.04 | SYURUK 6.27 | DUHA 6.52 | ZUHUR 12.24 | ASAR 3.46 | MAGHRIB 6.18 | ISYAK 7.33

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 69 BILANGAN 157

30 DISEMBER 2024 / 1446 28 جمادى الآخر

JABATAN PENERANGAN

EDISI ISNIN / PERCUMA

WANITA MAINKAN PERANAN MEMBENTUK KELUARGA BAHAGIA

Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Hal Ehwal Ugama,
Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 29 Disember. - Sebagai ibu dan isteri, wanita memainkan peranan penting dalam membentuk keluarga yang bahagia dan harmonis serta mendidik generasi akan datang. Wanita memberi impak besar dalam pembangunan masyarakat melalui kerjaya dan tindakan positif serta memberi sumbangan kepada ummah dengan keikhlasan dan keberanian.

Perkara tersebut antara yang disentuh dalam tazkirah bertajuk 'Mencapai Kejayaan Wanita di Tahun Baharu : Menjadi Inspirasi dalam Keluarga dan Masyarakat' disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pejabat Unit Da'wah Daerah Tutong, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Dayang Nurhuwaina binti Mamud bagi menyeriakan lagi Program Munajat secara maya anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) Kali Ke-166 iaitu Khas untuk Wanita Ke-20.

>> Muka 2



TURUT menyeriakan acara Malam Munajat berkenaan ialah isteri Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Nahriah binti Haji Awang Asbi.

Penutupan sementara stesen minyak

Siaran Akhbar : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 28 Disember. - Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan (IBE) melalui Unit Sukatan dan Timbangan (SDT) di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi akan melaksanakan kerja-kerja pemeriksaan dan penelitian bacaan ketepatan ke atas alat sukat jenis pam minyak di stesen-stesen minyak.

Langkah berkenaan adalah selaras dengan Akta SDT 1983 Penggal 151, di mana pemeriksaan bacaan ketepatan, sah dan berdaftar dengan Unit SDT adalah dikehendaki ke atas penggunaan alat sukat dan timbang bagi tujuan perdagangan.

Dengan mengambil kira keselamatan dan kesejahteraan orang ramai serta para tenaga kerja yang terlibat sepanjang kerja-kerja pemeriksaan dan penelitian tersebut, stesen-stesen minyak akan ditutup bermula jam 9.00 pagi hingga selesai, yang mana anggaran pelaksanaannya adalah sekitar dua jam.

Pemeriksaan dan penelitian ke atas stesen-stesen minyak ini adalah pemeriksaan rutin yang dikendalikan sebanyak kali setahun.

>> Muka 4

MANISNYA IMAN

"MAKSUDNYA : Waktu berputar sebagaimana keadaannya ketika Allah Subhanahu Wata'alai menciptakan langit dan bumi. Satu tahun terdiri daripada 12 bulan, daripadanya terdapat empat bulan yang haram (suci) iaitu tiga daripadanya mengikut turutan (Zulkaedah, Zulhijah dan Muhamarram) dan yang keempat adalah Rejab terletak antara Jamadilakhir dan Syaaban".

- Riwayat Al-Bukhari, hadis no. 4054.



Berita Utama



30 anak terima baucar bantuan persekolahan

Muka 5



MELESTARIKAN warisan kuih-muih tradisi

Muka 6



FAHAMAI cara teknologi berfungsi dengan pengekodan

Muka 22



DAPATKAN Kalendar 2025 di dalam

Musabaqah Menghafaz Al-Quran bakal bermula

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 29 Disember. - Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1446 Hijrah akan berlangsung selama tiga hari berturut-turut bermula pada Selasa, Rabu dan Khamis, iaitu 7, 8 dan 9 Rejab 1446 Hijrah bersamaan dengan 7, 8

dan 9 Januari 2025 Masihi bertempat di Dewan Muzakarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Seramai 60 peserta telah terpilih dan layak ke Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1446 Hijrah (Rajah 1).

>> Muka 3

Cuaca diramalkan aktif sehingga 3 Januari 2025

Siaran Akhbar : Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 28 Disember. - Negara Brunei Darussalam (NBD) pada masa ini berada di dalam Monsun Timur Laut, yang pada lazimnya akan berterusan sehingga sekitar hujung bulan Mac 2025.

Semasa tempoh separuh pertama Monsun Timur Laut, iaitu sehingga bulan Januari 2025, yang mana juga dikenali sebagai Musim Tengkujuh, negara lazimnya mengalami keadaan cuaca tidak menentu, dengan hujan atau hujan berpetir sekali-sekala lebat berlaku terutamanya pada waktu malam hingga awal pagi.

Manakala semasa tempoh separuh kedua Monsun Timur Laut (bulan Februari 2025 dan Mac 2025), keadaan atmosfera cenderung menjadi lebih stabil dengan pengurangan aktiviti turunan hujan.

Keadaan cuaca masih diramalkan aktif bermula Sabtu, 28 Disember 2024 sehingga Jumaat, 3 Januari 2025. Hujan lebat dan berpetir dijangka berlaku sekali-sekala, menjaskan kebanyakan

kawasan persisiran dan perairan negara pada waktu pagi dan malam serta di kawasan pedalaman negara pada waktu petang. Kelajuan angin sehingga 45 kilometer sejam (kmsj) semasa atau dekat hujan.

Keadaan laut pada amnya berombak di paras sedikit ke sederhana, antara 0.5 sehingga 1.8 meter.

Oleh itu, pihak Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam (BDMD) menasihatkan orang ramai untuk mengambil langkah-langkah awal akan kejadian cuaca aktif yang diramalkan berlaku. Terdapat risiko tinggi berlakunya banjir kilat terutamanya di kawasan-kawasan rendah dan mudah banjir serta di kawasan berdekatan tebing sungai semasa hujan lebat yang berterusan dan semasa kejadian air pasang. Kejadian tanah susur, pokok tumbang dan atap terbang juga boleh berlaku semasa hujan lebat dan keadaan berangin kencang.

>> Muka 3

Wanita mainkan peranan membentuk keluarga bahagia

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pasukan Polis Diraja Brunei

>> Muka 1

Acara Munajat malam tadi mengundang tetamu khas, Pengerusi Perkumpulan Kebajikan Isteri dan Keluarga Polis (PEKERTI), Datin Sabrina Aziemah binti Abdullah Chong yang memimpin bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatiha dari Rumah PEKERTI.

Selepas bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatiha, diikuti dengan bacaan Surah Al-Mulk beramai-ramai dipimpin oleh Ahli PEKERTI, Dayang Norliza binti Abd. Jalil dari Rumah PEKERTI dan diteruskan dengan bacaan Doa Munajat oleh Pegawai Ugama Kanan, Bahagian Kemajuan Syi'ar Islam, KHEU, Datin Hajah Umiyati binti Hajji Mohd. Noor dari Masjid Ash-Shalihieen.

Selesai tazkirah, disusuli dengan bacaan Selawat Tafrijiyah beramai-ramai dipimpin oleh Timbalan Pengerusi PEKERTI, Superintenden Hajah Mariyani binti Hajji Abd. Wahab.

Sebelum mengakhiri acara, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Pemangku Penolong Pengarah (Perkhidmatan Korporat), Jabatan Pengajian Islam, KHEU, Dayang Hajah Noor Rasidah binti Hajji Sharbini.

Turut mengimarahkan Malam

Munajat ialah kalangan Ahli PEKERTI; para Muslimah dari beberapa buah masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara dan warga kerja wanita di bawah KHEU.

Hadir sama menyerikan acara Munajat ialah Datin Hajah Nahriah binti Haji Awang Asbi, isteri Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Malam Munajat anjuran KHEU mengajak orang ramai untuk bersama-sama mempertingkatkan amalan kerohanian, memohon keampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala dengan

beristighfar, membaca ayat-ayat suci Al-Quran dan menghayati maknanya serta merafakkan dan mengamalkan doa secara serentak beramai-ramai dengan harapan agar Negara Brunei Darussalam dan seluruh rakyat serta penduduknya terselamat dari segala bala bencana dan penyakit berbahaya.

Orang ramai adalah dialu-alukan menyertai acara Malam Munajat pada setiap Sabtu malam Ahad secara maya melalui pautan <https://tiny.cc/munajatkhewanita>.


ANTARA yang hadir pada Malam Munajat tersebut.



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM

JABATAN PERDANA MENTERI | NEGERI DARUSSALAM

WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN



PENTING

SILA LENGKAPKAN PROFIL PSCR 2.0 AWDA DENGAN BETUL DAN TERATUR

BARU

IMPAK PROFIL PSCR 2.0 YANG TIDAK LENGKAP

- ✗ Permohonan tidak akan diproses.
- ✗ Maklumat yang dihadapkan ke pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah tidak lengkap atau tidak teratur.

Laman Utama > Dashboard Saya > Status Permohonan Kerja
TIDAK DIPERAKUAKAN


DIANTARA SEBAB-SEBAB PROFIL PSCR 2.0 TIDAK LENGKAP / TERATUR

- ✗ Melengkapkan maklumat latar belakang pendidikan di ruang yang tidak betul. sebagai contoh: mengemasuki pendidikan menengah (O level) di pendidikan tinggi
- ✗ Tidak memuatnaik transkrip bagi sijil kelulusan yang tidak menyatakan bidang kelulusan. sebagai contoh: Bachelor of Arts/Science/Education dan lain-lain
- ✗ Tidak melengkapkan Pengalaman Kerja Kerajaan dengan lengkap. memasukkan tangga gaji / tempoh perkhidmatan yang salah
- ✗ Tidak mengemasuki ruangan peperiksaan dan kursus bagi warga perkhidmatan awam.



Sila sahkan bahwa maklumat di dalam profil adalah lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapkan permohonan bagi jawatan yang dipohon.

✓ Memahami bahwa maklumat profil yang tidak lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapkan permohonan jawatan kosong boleh mengakibatkan tidak menepti kelayakan seperti di dalam iklan, maka dengan sendirinya permohonan tidak akan diproses.



WAKTU SEMBAHYANG										
DISEMBER MASIHI	HARI	JAMADILAKHIR HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
30	ISNIN	28	4.54	5.04	6.27	6.52	12.24	3.46	6.18	7.33
31	SELASA	29	4.55	5.05	6.28	6.52	12.24	3.46	6.19	7.33
1 Januari 2025	RABU Rejab	1	4.55	5.05	6.28	6.53	12.25	3.47	6.19	7.34
2	KHAMIS	2	4.56	5.06	6.29	6.53	12.25	3.47	6.20	7.34
3	JUMAAT	3	4.56	5.06	6.29	6.53	12.26	3.48	6.20	7.35
4	SABTU	4	4.56	5.06	6.30	6.54	12.26	3.48	6.21	7.35
5	AHAD	5	4.57	5.07	6.30	6.54	12.27	3.48	6.21	7.35

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI



ISNIN	SELASA	RABU
Bandar Seri Begawan		
31 °C	31 °C	30 °C
25 °C	25 °C	24 °C
Pekan Bangar		
31 °C	31 °C	30 °C
25 °C	25 °C	24 °C
Pekan Tutong		
31 °C	31 °C	30 °C
25 °C	25 °C	24 °C
Kuala Belait		
31 °C	31 °C	30 °C
25 °C	25 °C	24 °C
Wallahualam Bissawab		
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi		
	www.met.gov.bn	

SIDANG PENGARANG 30 DISEMBER 2024

Waspada dengan cuaca aktif

SEJAK akhir-akhir ini, Negara Brunei Darussalam (NBD) mengalami cuaca yang sangat aktif dan tidak menentu di mana kadangkala cuaca panas pada siang hari dan hujan lebat pada malam hari.

Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam (BDMD) secara terus-menerus mengemas kini ramalan dan situasi cuaca dengan memberi peringatan kepada orang ramai untuk lebih bersedia dengan cuaca yang tidak menentu ini.

Berhubung dengan cuaca sangat aktif ini, orang ramai perlu mengambil langkah berjaga-jaga dan merancang perjalanan tambahan lagi pada musim cuti persekolahan ini dan juga sentiasa peka dengan kemas kini cuaca pada tiap-tiap masa agar perancangan tidak terjejas.

Menurut laporan BDMD, NBD pada masa ini berada dalam Monsun Timur Laut yang pada lazimnya akan berterusan sehingga sekitar hujung bulan Mac 2025.

Semasa tempoh separuh pertama Monsun Timur Laut iaitu sehingga Januari 2025, yang juga dikenali sebagai Musim Tengkujuh, negara lazimnya mengalami keadaan cuaca tidak menentu, dengan hujan atau hujan berpetir sekali sekala lebat berlaku terutama sekali pada waktu malam hingga awal pagi.

Manakala semasa tempoh separuh kedua, iaitu Februari 2025 dan Mac 2025, keadaan atmosfera cenderung menjadi lebih stabil dengan pengurangan aktiviti turunan hujan.

Dengan peringatan dan pengemaskinian cuaca oleh BDMD, orang ramai dinasihatkan untuk berwaspada dengan ramalan cuaca pada ketika ini. Hujan lebat dan berpetir menyebabkan risiko tinggi berlakunya banjir terutama di kawasan-kawasan rendah dan mudah banjir serta di kawasan berdekatan tebing sungai semasa hujan lebat yang berterusan dan semasa kejadian air pasang.

Kejadian tanah susur, pokok tumbang dan atap terbang juga boleh berlaku dan keadaan laut di paras sederhana adalah berbahaya bagi operasi bot-bot kecil, aktiviti rekreasi dan sukan laut.

Pihak BDMD juga akan terus memantau keadaan cuaca dari semasa ke semasa dan akan mengeluarkan nasihat dan amaran cuaca jika perlu.

Maklumat, nasihat dan amaran cuaca terkini boleh diterima dengan lebih mudah melalui aplikasi bimbit BDMD, iaitu Brunei WX kerana maklumat, nasihat dan amaran cuaca dapat diterima terus sebaik sahaja nasihat atau amaran terkini dikeluarkan.

Selain itu, maklumat cuaca terkini juga boleh diperoleh dengan menghubungi peramal cuaca yang bertugas di Pusat Ramalan Cuaca, melalui Talian Cuaca 114 atau melayari laman sesawang www.met.gov.bn atau melalui laman Facebook [@bruneiweather](https://www.facebook.com/BruneiWeather), Instagram [@brunei.weather](https://www.instagram.com/brunei.weather) dan saluran Telegram BDMD Brunei Weather. - Ketua Penyuntingan (Kr)

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جاتن قراغن، جاتن فردان منتری دان ڈچیتو اوله فرینت قلس سندیرین بحد، نکارابروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

22 PELAJAR TERIMA SUMBANGAN BANTUAN PERSEKOLAHAN

Siaran Akbar dan Foto :
Persatuan Bahasa Arab Negara Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 28 Disember. - Dalam usaha menjalankan tanggungjawab sosial kepada masyarakat setempat, Persatuan Bahasa Arab Negara Brunei Darussalam (PBA NBD) baru-baru ini mengadakan Projek Hamlah Khairiyah : Al Audah Ihal Madrasah 2025 iaitu sumbangan bantuan persekolahan.

Seramai 22 orang anak yatim dan yang kurang berkemampuan di beberapa buah sekolah rendah dan menengah di daerah Brunei dan Muara menerima sumbangan daripada projek tersebut.

Sumbangan disampaikan oleh Pemangku Penolong Rektor (Antarabangsa dan Perkhidmatan), Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dr. Haji Hambali bin Haji Jaili selaku Ra'es Persatuan Bahasa Arab NBD.

Turut hadir, Naib Ra'es dan Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif PBA NBD.



PERSATUAN Bahasa Arab Negara Brunei Darussalam baru-baru ini mengadakan Projek Hamlah Khairiyah : Al Audah Ihal Madrasah 2025 iaitu sumbangan bantuan persekolahan.

Cuaca diramalkan aktif sehingga 3 Januari 2025

Siaran Akbar dan Infografik : Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam

>> Muka 1

Keadaan laut di paras sederhana adalah berbahaya bagi operasi bot-bot kecil, aktiviti rekreasi dan sukan laut. Orang ramai, para pemandu di jalan raya dan juga para pelaut dinasihatkan supaya sentiasa peka dengan ramalan, nasihat dan amaran cuaca terkini yang dikeluarkan oleh BDMD dan membuat

perancangan yang bersesuaian untuk keselamatan semua.

BDMD akan terus memantau keadaan cuaca dari semasa ke semasa, dan akan mengeluarkan nasihat dan amaran cuaca jika perlu.

Sehubungan dengan itu, maklumat, nasihat dan amaran cuaca terkini boleh diterima dengan lebih mudah melalui aplikasi Brunei WX, kerana, maklumat,

nasihat dan amaran cuaca dapat diterima terus sebaik sahaja nasihat atau amaran terkini dikeluarkan.

Selain itu, maklumat cuaca terkini juga boleh diperolehi dengan menghubungi peramal cuaca yang bertugas di Pusat Ramalan Cuaca, melalui Talian Cuaca 114 atau melayari laman sesawang www.met.gov.bn atau melalui laman Facebook [@bruneiweather](#), Instagram [@brunei.weather](#) dan saluran Telegram [BruneiWeather](#).

Musabaqah Menghafaz Al-Quran bakal bermula

Siaran Akbar dan Infografik :
Kementerian Hal Ehwal Ugama

KATEGORI	LELAKI	PEREMPUAN	JUMLAH
A	5	7	12
B	5	7	12
C	6	6	12
D	3	9	12
E	10	2	12
JUMLAH	29	31	60

RAJAH 1

>> Muka 1

Dalam pada itu, hanya lima peserta sahaja yang mencapai markah 75 peratus ke atas akan dipilih bagi setiap kategori untuk melayakkan mereka ke peringkat akhir. Walau bagaimanapun, markah yang lebih tinggi lebih diutamakan sekiranya keramaian tersebut melebihi daripada jumlah lima orang.


Antara tujuan Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya diadakan adalah bagi menggalakkan umat Islam di Negara Brunei Darussalam berjinak-jinak mencintai Al-Quran melalui hafazan dan menjadikannya sebagai satu rutin dan amalan harian.

Di samping untuk menambah penghafaz-penghafaz Al-Quran dalam sama-sama meraih pahala dan ganjaran dari Allah Subhanahu Wata'ala, Musabaqah juga dapat mendorong dan membantu para peserta dan orang ramai untuk memahami maksud apa yang terkandung dalam Al-Quran termasuk fakta-fakta surah, nasihat, pengajaran dan hukum-hukum tajwid.



Nasihat cuaca dilanjutkan sehingga 3 Januari. Orang ramai, para pemandu di jalan raya dan juga para pelaut dinasihatkan supaya sentiasa peka dengan ramalan, nasihat dan amaran cuaca terkini dan membuat perancangan yang bersesuaian untuk keselamatan semua.

Siaran Akbar | 28 Disember 2024



ADAKAH PROFIL PSCR 2.0 AWDA LENGKAP DAN TERATUR?

BARU

سوروهنجاۓ قرخمنت عوام
SURUHJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN



ADAKAH PROFIL PSCR 2.0 AWDA LENGKAP DAN TERATUR?

PANDUAN LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

- ✓ Kelulusan Pendidikan Tinggi
Diploma / Ijazah Sarjana Muda / Ijazah Sarjana / PHD atau sebanding (bidang Major atau Minor dimestikan teratur)
- ✓ Kelulusan Pendidikan Menengah
PMB / GCE 'O' LEVEL / GCE 'A' LEVEL atau sijil / kelulusan sebanding
- ✓ Tamat Persekolahan
bagi pemohon yang menamatkan pelajaran di peringkat menengah sahaja



PANDUAN MUATNAIK DOKUMEN

- ✓ Maklumat Peribadi
Kad Pengenalan / Pasport / Gambar Terkini
- ✓ Maklumat Lesen Memandu
- ✓ Kelulusan Pendidikan Tinggi
Sijil / Transkrip (dimestikan dimuatnaik) / MKPK (jika dari Institusi Swasta / Luar Negeri)
- ✓ Kelulusan Pendidikan Menengah
- ✓ Tamat Persekolahan
(Sijil berhenti Sekolah)



PANDUAN PENGALAMAN KERJA

- ✓ Pengalaman Kerja Kerajaan
menandakan "✓" pada jawatan sekarang / prestasi 3 tahun kebelakangan / pengesahan profli pegawai kakitangan kerajaan / tempoh kerja yang teratur / tarikh mulai dalam tanda gaji / tanda gaji / nama jawatan yang betul
- ✓ Pengalaman Kerja Swasta
- ✓ Pengalaman Kerja Beruniform
- ✓ Pengalaman Bekerja Sendiri
- ✓ Penempatan Kerja
- ✓ Tidak Bekerja



PANDUAN KEMAHIRAN DAN KELAYAKAN PROFESIONAL

- ✓ Kelayakan Profesional
- ✓ Peperiksaan Kesetiausahaan
- ✓ Kemahiran Bahasa
- ✓ Lain-Lain Kemahiran



PANDUAN PEPERIKSAAN DAN KURSUS

- ✓ Peperiksaan Kerajaan
- ✓ Kursus Yang Dihadiri (Kerajaan/Swasta)
- ✓ Kursus Induksi Perkhidmatan Awam
- ✓ Kursus Perkhidmatan Awam (IPA)
- ✓ Program Pembangunan Eksekutif



LAWATAN ERATKAN HUBUNGAN SILATURAHIM

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Ihsan Awang Haji E'rifin bin Haji Mohd. Yusof

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 29 Disember. - Rombongan Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kasat baru-baru ini berlepas ke negara jiran iaitu Kuching, Sarawak dengan laluan darat menggunakan bas selama lima hari.

Mengetuai rombongan berkenaan, Ketua Kampung Kasat, Awang Haji E'rifin bin Haji Mohd. Yusof yang juga memimpin bacaan Doa Selamat sebelum perjalanan dimulakan.

Awang Haji E'rifin menjelaskan program kembara ke Kuching, Sarawak tersebut katanya merupakan julung kali diadakan bertujuan untuk membuat lawatan sambil riadah yang sememangnya antara aktiviti hujung tahun dan mengambil kesempatan di musim penggal akhir cuti persekolahan.

Menurutnya, rombongan terutama mereka yang pertama kali ke Kuching itu juga berkesempatan menyaksikan pemandangan dan keindahan tempat menarik di sepanjang lebih daripada 10 jam perjalanan

ROMBONGAN Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kasat baru-baru ini berlepas ke negara jiran iaitu Kuching, Sarawak dengan laluan darat menggunakan bas selama lima hari.

yang telah dilalui.

Tempat-tempat yang menjadi tumpuan termasuk dalam program yang diaturkan antaranya rombongan berkesempatan menyaksikan Tugu Kuching, Vivacity Mall, Spring Mall dan Kek Lapis Warisan.

Selain itu, rombongan juga dibawa ke Tamu Sariken, Tasek Biru, Merdeka Mall, Indian Streets, Waterfront serta berpeluang menaiki kapal persiaran bagi menelusuri Sungai Sarawak.

Ketua Kampung Kasat berharap agar aktiviti lawatan seumpama ini akan terus diadakan bukannya di luar negara saja bahkan juga di dalam negeri sendiri seperti ke daerah-daerah termasuk mukim-mukim dan



kampung-kampung dalam memperluaskan lagi pengalaman dan pengetahuan yang berguna dan bermanfaat.

Selain mengisi masa lapang,

program yang diselenggarakan itu sekali gus mengeratkan ukhuwah Ahli MPK yang menjadi medium penyatuan sesama masyarakat dengan yang lain serta

meningkatkan pengetahuan dalam penyusunan keyakinan dan motivasi diri dalam bidang pelancongan di kampung sendiri nanti.

Penutupan sementara stesen minyak

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

>> Muka 1

Bersama ini dikongsikan keterangan jadual penutupan sementara stesen-stesen minyak bagi kerja-kerja pemeriksaan dan penelitian bacaan ketepatan pada bulan Januari 2025 seperti yang tertera di dalam rajah.

Bagi sebarang pertanyaan lanjut, orang ramai boleh menghubungi Unit SDT, IBE melalui e-mel : sdt@mofe.gov.bn atau melalui talian +673 2334092.

BIL.	TARIKH & WAKTU PENGUJIAN	ALAMAT/TEMPAT PENGUJIAN	DAERAH
1	6 Januari 2025 (Isnin) 9:00 pagi – 11:00 pagi	Syarikat Stesen Minyak Mar'azmala	Brunei Muara
2	7 Januari 2025 (Selasa) 9:00 pagi – 11:00 pagi	Syarikat Stesen Minyak Berakas	
3	8 Januari 2025 (Rabu) 9:00 pagi – 11:00 pagi	Syarikat Stesen Minyak Tumasek	
4	9 Januari 2025 (Khamis) 9:00 pagi – 11:00 pagi	Syarikat Stesen Minyak Syarikat Perniagaan Melayu Sdn Bhd, Shell Service Station	Belait
5	23 Januari 2025 (Khamis) 9:00 pagi – 11:00 pagi	Syarikat Stesen Minyak Kampong Keriam (Pakatan Tutong)	Tutong
		Syarikat Stesen Minyak Batang Duri	Temburong


NATIONAL ROAD SAFETY COUNCIL
BRUNEI DARUSSALAM

Hari itu dia ikut tanpa memakai tali pinggang keledar, tidak menyedari itu kali terakhir.

Lelaki, 6 tahun



Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada Awda dan Saya



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :
 1.'Memacu Pembangunan Sektor Ekopelancongan'. Tarikh Tutup : 1 Januari 2025
 2.'Memperkasa Hak Orang Kurang Upaya'. Tarikh Tutup : 8 Januari 2025
 3.'Pembaziran Merugikan Masyarakat, Ekonomi Negara'. Tarikh Tutup : 15 Januari 2025

TERMA DAN SYARAT :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditaraf **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
 Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi BND75 SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

30 ANAK TERIMA BAUCAR BANTUAN PERSEKOLAHAN



YANG Dipertua PSW, Hajah Dayang Hassannah binti Haji Hassan hadir selaku tetamu kehormat seterusnya menyempurnakan penyampaian sumbangan (atas), manakala gambar atas kanan, Pemangku Penghulu Mukim Mentiri dan Ketua Kampung Kawasan 2 RPN Panchor, Mentiri, Haji Awang Mohamad Eddie Hardey bin Haji Awang Ibrahim semasa berucap. Sementara gambar bawah kanan, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

KIULAP, Ahad, 29 Disember. - Sebagai usaha membantu anak-anak yatim dan keluarga yang memerlukan dalam persediaan musim persekolahan bagi tahun 2025, Persatuan Siswazah Wanita Negara Brunei Darussalam (PSW) dengan kerjasama Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kawasan 2 Rancangan Perumahan Negara (RPN) Panchor, Mentiri mengadakan Majlis Penyerahan Sumbangan menerusi Projek Kotak Kutip (Drop Box) bagi tahun 2024 bertempat di salah sebuah kompleks perniagaan di Kampung Kiulap.

Hadir selaku tetamu kehormat seterusnya menyempurnakan penyampaian sumbangan ialah Yang Dipertua PSW, Hajah Dayang Hassannah binti Haji Awang Hassan.

Turut hadir, Panel Penasihat PSW, Pengiran Hajah Zabaidah inti Pengiran Haji Kamaludin dan Dr. Hajah Hairuni binti Haji Mohamed Ali Maricar; Pemangku Penghulu Mukim Mentiri dan Ketua Kampung Kawasan 2 RPN Panchor, Mentiri, Haji Awang Mohamad Eddie Hardey bin Haji Awang Ibrahim serta beberapa Ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir PSW dan MPK Kawasan 2 RPN Panchor, Mentiri.

Dalam majlis tersebut, seramai 30 penerima yang terdiri daripada 14 anak yatim dan 16 anak-anak dalam kalangan keluarga memerlukan telah menerima baucar keperluan sekolah. Baucar ini adalah hasil sumbangan daripada Ahli PSW, sahabat dan keluarga mereka melalui Tabung Selamatkan Anak-anak Kitani PSW (PSW Save Our Children Fund).

Selain itu, turut menghulurkan sumbangan ialah Pemangku Penghulu Mukim Mentiri, Ketua Kampung Kawasan 2 RPN Panchor dan keluarga serta Ahli-ahli MPK Kawasan 2, Ar-Rizqi Enterprise

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

dan beberapa penyumbang persendirian.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha, diikuti dengan ucapan daripada Pemangku Penghulu Mukim Mentiri dan Ketua Kampung Kawasan 2 RPN Panchor, Mentiri, Haji Awang Mohamad Eddie Hardey.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan penyerahan sumbangan rasmi oleh Yang Dipertua PSW, Panel Penasihat dan Ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir PSW kepada penerima.

Majlis diakhiri dengan sesi bergambar melambangkan hubungan erat kerjasama antara PSW dan MPK Kawasan 2 RPN Panchor, Mentiri bagi membincangkan kebajikan komuniti. Projek ini adalah sebahagian daripada Projek Kotak Kutip (Drop Box) yang telah dilaksanakan sejak tahun 2010.

Projek antara lain bertujuan untuk mempermudahkan orang ramai memberikan sumbangan seperti pakaian terpakai dan keperluan sekolah kepada golongan yang memerlukan dengan sokongan berterusan daripada rakan-rakan penyumbang dan organisasi yang terlibat. PSW berharap agar projek ini dapat meringankan beban keluarga



penerima dan memupuk kerjasama yang lebih erat antara badan bukan kerajaan dengan masyarakat setempat.

PSW juga ingin aktiviti seperti ini menjadi qudah hasanah (teladan baik) kepada organisasi lain untuk turut serta dalam usaha amal kebajikan.

PSW yang ditubuhkan pada 5 Februari 1990, adalah sebuah organisasi bukan kerajaan yang telah 34 tahun aktif dalam perkhidmatan masyarakat. Dengan keanggotaan yang terdiri daripada ramai profesional, PSW sentiasa menganjurkan program yang memberi impak dalam bidang pendidikan, kebajikan, dan pembangunan profesional.



Guna barang, pakaian terpakai elak pembaziran



MENGGUNAKAN semula barang yang masih baik bukan sahaja menjimatkan duit tetapi juga membantu dalam mengurangkan pembelian barang baharu.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohammad Hasif Matzin

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 28 Disember. - Menggunakan semula barang dan pakaian yang masih dalam keadaan baik adalah langkah yang paling bijak untuk mengelakkan pembaziran.

Bukan itu sahaja, apabila kita menggunakan semula barang atau pakaian tersebut dapat

membantu mengurangkan jumlah sampah yang dihasilkan. Ini membantu mengurangkan impak terhadap tapak pelupusan sampah.

Menggunakan semula barang yang masih baik bukan sahaja menjimatkan duit tetapi juga membantu dalam mengurangkan pembelian barang

baru.

Selain itu, barang atau pakaian yang masih baik boleh disumbangkan kepada mereka yang memerlukan bantuan seperti golongan yang kurang berkemampuan.

Ataupun kita boleh menjual barang atau pakaian berkenaan di platform media sosial seperti TikTok, Facebook atau menyertai jualan amal dengan menyalurkan hasil jualan tersebut untuk didermakan kepada anak-anak yatim.

Barangan atau pakaian yang masih baik juga kita jadikan sebagai kraf atau Projek DIY (Do It Yourself). Kraf biasanya menggunakan teknik dan kemahiran tertentu untuk menghasilkan barang-barang yang unik seperti kayu dan bermacam-macam lagi.

Manakala DIY pula kita hasilkan pelbagai konsep dengan inisiatif dan pemikiran kita sendiri dalam pengubahsuaian di rumah atau pembuatan barang-barang seperti membuat perabot, pengubahsuaian rumah, menjahit atau membuat barang hiasan.

Dengan menerapkan cara demikian, kita bukan sahaja dapat memupuk kesedaran dan tanggungjawab masing-masing dalam berjimat di samping, memperbaiki kualiti hidup kita sendiri dan seterusnya memelihara alam sekitar.

**NATIONAL ROAD SAFETY COUNCIL
BRUNEI DARUSSALAM**

Hari itu adalah hari terakhirnya menaiki basikal.

Lelaki, 49 tahun

**Keselamatan Jalan Raya
bergantung kepada Awda dan Saya**

MELESTARIKAN WARISAN KUIH-MUIH TRADISI

Oleh: Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto: Ihsan Nadzirah Syuhada Haji Gharif



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 28 Disember - Negara kita tidak terkecuali mempunyai keunikan dan keistimewaan tersendiri, sama ada dari segi budaya, bahasa, adat, dan sebagainya, termasuklah dari segi makanan yang telah menjadi tradisi turun-temurun sejak zaman nenek moyang kita.

Meskipun zaman terus bergerak ke arah pemodenan, warisan haruslah kita pelihara agar tidak hilang atau pupus kerana tradisi warisan merupakan antara identiti negara yang kita cintai ini.

Pelita Brunei berkesempatan menemu bual salah seorang pengusaha tempatan dari Katering

Royale, Dayang Nadzirah Syuhada binti Haji Gharif dari Perpindahan Kampung Mentiri.

Dayang Nadzirah Syuhada, yang sudah berpengalaman lebih 10 tahun dalam pembuatan kuih-muih, menceritakan pelbagai cabaran yang dihadapinya dalam dunia perniagaan, dan tidak kurang juga membuat kuih tradisi Melayu *kitani*.

Dayang Nadzirah Syuhada yang sudah berpengalaman membuat kuih-muih lebih 10 tahun menceritakan banyak cabaran yang ditempuhi dalam dunia perniagaan.

Awalnya, beliau mempelajari pembuatan kuih-muih secara

sendiri sekadar mencuba-cuba dengan menggunakan resipi yang diperoleh dari internet. Percubaannya pada mulanya sering tidak berjaya tetapi semangatnya yang tidak pernah mengalah mendorong beliau untuk terus mencuba dan melakukan penambahbaikan sehingga resipi tersebut berjaya menghasilkan kuih yang memuaskan, baik dari segi rupa maupun rasa.

Atas kesungguhan dan usaha gigih, Dayang Nadzirah Syuhada bersyukur kerana pembuatan kuih-muih tradisionalnya kini membawakan hasil. Beliau berasa yakin untuk menjadikannya sebagai perniagaan, termasuklah menghasilkan kelupis, Penyaram, bingka pelbagai jenis, Pengalaban, Kasubah, Gatas serta pelbagai jenis kuih lain, termasuk tumpi yang diwarisi daripada neneknya.

Dayang Nadzirah Syuhada juga menjelaskan bahawa dunia perniagaan sentiasa ada pasang surutnya. Salah satu cabaran utama ialah mendapatkan bahan-bahan berkualiti yang kini terdapat dalam pelbagai jenama, yang sedikit sebanyak boleh mempengaruhi tekstur dan rasa kuih-muih. Namun, jika bahan-bahan alami diutamakan, ia pasti dapat menambah keaslian dan keenakan kuih-muih tradisional, yang sering beliau panggil sebagai 'kuih legenda'.

Meskipun baru berusia 33 tahun, beliau tetap terus mendalami bidang pembuatan kuih-muih tradisional kerana minat yang mendalam dan juga kerana kuih-muih tradisional merupakan makanan kegemaran keluarganya.

Dengan dorongan dan sokongan



KUIH-muih tradisional perlu diseimbangkan dengan kuih moden agar generasi hadapan kita tahu dan mempertahankan dengan belajar dari segi penyediaan dan pembuatan kuih tradisi *kitani* yang melambangkan identiti negara *kitani* sendiri (atas dan atas kiri).

daripada keluarga, Dayang Nadzirah Syuhada menjadikan hal ini sebagai motivasi untuk terus menghasilkan kuih-muih yang terbaik dan menepati selera serta cita rasa pelanggan.

Beliau turut menyeru golongan muda agar tidak membiarkan kuih-muih tradisional *kitani* hilang

ditelan zaman. Kuih-muih tradisional perlu diseimbangkan dengan kuih moden agar generasi hadapan kita tahu dan mempertahankan dengan belajar dari segi penyediaan dan pembuatan kuih tradisi *kitani* yang melambangkan identiti negara *kitani* sendiri.

مقرنکن اقليکاسي موده الیه جابتني ٿرڻ

Memperkenalkan
**Aplikasi Mudah Alih
Jabatan Penerangan**

InfoDeptBN

- Memudahkan Pengguna Mendapat **Berita Terkini**
- Meningkatkan **Perkongsian Maklumat**
- Pelaksanaan Yang **Cepat Dan Mudah**
- Menjurus Ke Arah **Paperless Dan Green IT**

Gunakanlah Aplikasi Kami!

Dapatkan aplikasi dan muat turun di



'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'

TARIKH TUTUP PENYERTAAN PERADUAN MENTERJEMAH ARTIKEL RIAK BAHASA DILANJUTKAN

Oleh : Nooratini Haji Abas
Infografik : Ihsan Dewan Bahasa dan Pustaka

BANDAR SERI BEGAWAN,
Sabtu, 28 Disember. - Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melalui Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Bahasa akan mengungkayahkan Peraduan Menterjemah Artikel Riau Bahasa Terbitan DBP sempena Sambutan Bulan Bahasa 2024.

Peraduan ini dibukakan kepada belia yang berumur 15 hingga 35 tahun bagi warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam.

Orang ramai yang ingin menyertai bolehlah memuat turun borang dan syarat peraduan dengan mengimbas Kod QR yang tertera dalam poster.

Borang dan penyertaan

hendaklah dihantar kepada Urus Setia Peraduan Menterjemah Artikel Riau Bahasa Terbitan DBP, Unit Penterjemahan, Tingkat 3, Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Bahasa, DBP, Jalan Pembangunan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup penyertaan dilanjutkan hingga Sabtu, 6 Syawal 1446 Hijrah / 5 April 2025 Masihi, jam 4.00 petang.

Sebarang maklumat dan pertanyaan lanjut, sila hubungi urus setia menerusi talian +673 2382511 sambungan 130/131/133 dan 134.



Kembali ke sekolah : Persediaan mental dan emosi anak

HANYA tinggal beberapa hari lagi, sesi persekolahan 2025 kini bermula. Bukan hanya menyediakan persediaan dari segi keperluan sekolah namun, ibu bapa juga harus membuat persediaan mental dan emosi untuk anak-anak. Antaranya adalah :

- Aturkan rutin harian dengan mewujudkan rutin tetap untuk bersedia ke sekolah. Jangan lupa untuk melatih anak-anak untuk tidur pada waktu yang ditetapkan bagi memastikan mereka mendapat tidur yang mencukupi pada waktu persekolahan nanti.
- Kekal aktif secara fizikal dan tingkatkan kesihatan. Tabiat makan secara sihat, senaman secara tetap dan tidur mencukupi melindungi kanak-kanak daripada merasa stres ketika dalam situasi yang sukar. Senaman yang tetap juga mengurangkan emosi negatif seperti kebimbangan, kemarahan dan kemurungan.
- Kerisauan datang dari sesuatu yang tidak ketahui. Beri penerangan dari awal kepada anak-anak melalui bercerita, berbual dan sebagainya tentang sekolah, keadaan di sekolah dan sebagainya. Lakukan secara konsisten seawal mungkin. Ini membolehkan mereka menyediakan minda (*expectation development*).
- Sokongan ibu bapa terutamanya dalam bidang pendidikan sangat penting untuk anak-anak. Dari sokongan inilah anak-anak akan menjadi lebih bersemangat dalam memulakan hari persekolahan mereka. Ucapkan kata-kata positif untuk mereka sudah cukup bagi menaikkan semangat mereka.
- Persediaan malam sebelum hari sekolah. Rancang malam yang menyeronokkan dengan lakukan aktiviti bersama seperti mengemas barang sekolah dan apa juar aktiviti yang akan meransang mood positif kanak-kanak.

Nota : Semoga dapat menaikkan semangat anak-anak awda untuk kembali ke sekolah!



PSB adakan jualan promosi terbitan

Siaran Akhbar dan Infografik : Pusat Sejarah Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 28 Disember. - Pusat Sejarah Brunei (PSB) mengadakan promosi jualan buku, jurnal dan majalah terbitan jabatan ini, istimewa bersempena dengan Festival Disember Brunei 2024.

Promosi jualan diadakan bermula 2 Disember 2024 yang lalu hingga 4 Januari 2025 setiap Isnin hingga Khamis dan Sabtu (waktu bekerja) pada jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan disambung semula pada jam 2.00 hingga 4.00 petang.

Pelbagai pilihan bahan bacaan mengenai sejarah Negara Brunei Darussalam boleh dibeli dengan potongan harga istimewa.

Antaranya ialah mengenai sejarah sultan-sultan Brunei; agama; tokoh; pendidikan; ekonomi; hubungan dengan luar negara; dan Melayu Islam Beraja sama ada dalam bahasa Melayu, Inggeris dan Arab.

Awda boleh mengimbas kod (sila rujuk rajah) untuk mengetahui senarai buku, jurnal dan majalah terbitan PSB.

Orang ramai yang ingin membeli, bolehlah datang terus ke Kedai Buku PSB, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan.

Sebarang pertanyaan, sila hubungi +673 2240166 / 67 / 68 / 69 / 70 smbungan 101 / 102 / 332 atau WhatsApp +673 7376199 atau e-mel ke bpn@pusat-sejarah.gov.bn.



NASIONAL

PERSIAPAN DIRI MENJELANG SESI PERSEKOLAHAN



Para ibu bapa perlu memastikan rambut anak-anak kemas dan rapi sebagai persediaan sebelum memulakan sesi persekolahan dengan penampilan baharu tanpa melanggar peraturan sekolah (kiri dan kanan).

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Adzrie Pg. Haji Nikman

MENTIRI, Sabtu, 28 Disember. - Menjelang sesi persekolahan tahun 2025 yang akan bermula beberapa hari lagi, kedai gunting rambut kini menjadi sasaran bagi

ibu bapa dan pelajar sekolah.

Tinjauan Pelita Brunei ke beberapa buah kedai gunting di beberapa tempat di kawasan Muara dan Mentiri mendapati ibu

bapa sibuk membawa anak-anak mereka untuk mendapatkan khidmat gunting rambut.

Para ibu bapa perlu memastikan rambut anak-anak kemas dan rapi sebagai persediaan sebelum memulakan sesi persekolahan dengan penampilan baharu tanpa melanggar peraturan sekolah.

Pengiran Mohd. Fakrin bin Pengiran Mohd. Dani semasa ditemu bual oleh Pelita Brunei turut menjelaskan, pelbagai persiapan dibuat lebih awal bagi memastikan keperluan anak-anak siap dan lengkap sebelum sesi persekolahan bermula selain memastikan rambut digunting seperti yang ada dalam peraturan sekolah.

"Saya perlu memastikan anak saya dalam keadaan kemas semasa permulaan persekolahan nanti. Saya memilih untuk membawa anak saya mendapatkan khidmat gunting rambut pada waktu pagi bagi mengelak beratur panjang," jelasnya.

Kebiasaannya kos untuk gunting rambut adalah antara BND3 hingga BND4 sahaja untuk setiap pelanggan lelaki.

Jelasnya, harga murah bagi khidmat gunting rambut itu adalah untuk apa juar jenis fesyen yang dikehendaki pelanggan terdiri daripada pelbagai peringkat umur tidak mengira orang dewasa maupun kanak-kanak.



PERSONAL SHOPPER MENJANJIKAN KEPUASAN TERSENDIRI



Oleh : Aimi Sani
Foto : Ihsan Nurzawanah Wajihah Mohamad

MENTIRI, Sabtu, 28 Disember. - Perkhidmatan Pembeli Peribadi atau Personal Shopper semakin popular dalam kalangan masyarakat melalui kecanggihan teknologi komunikasi di negara ini. Perkhidmatan berkenaan memudahkan mereka yang suka berbelanja di dalam negara maupun di luar negara sekali gus menjimatkan masa untuk membeli-belah.

Daripada pakaian dan aksesori peribadi hingga peralatan perhiasan rumah dan barang dapur, serahkan sahaja tugas membelinya kepada Pembeli Peribadi dengan bayaran upah berpatutan.

Seorang Pembeli Peribadi, Dayang Nurzawanah Wajihah binti Mohamad, 36, berkata kerjaya sampingan itu menjanjikan

kepuasan tersendiri dan pendapatan lumayan jika perkhidmatan yang disediakan menepati kehendak pelanggan.

"Bermula pada tahun 2019, sebelum tercetusnya wabak COVID-19, saya nampak akan peluang perniagaan melalui perkhidmatan ini dan mula melakukannya secara suka-suka sahaja. Saya mempunyai keluarga di Miri, Sarawak, jadi mudah bagi saya untuk membawa masuk barang yang dipesan oleh pelanggan. Semasa musim pandemik, keperluan majoriti para pelanggan semakin meningkat seperti barang peribadi, barang bayi dan lain-lain. Disitulah tercetusnya idea untuk menawarkan perkhidmatan belian di Miri dengan bantuan pasukan saya di sana," jelasnya.

Beliau yang bekerja sebagai guru sepenuh masa berkata, pada awalnya beliau cuma menawarkan perkhidmatan membeli-belah dalam talian sahaja. Namun, setiap kali beliau melancong ke luar negara, beliau akan mengambil peluang untuk menawarkan khidmat servis pembeli peribadi seperti baru-baru ini beliau melancong bersama keluarga ke Republik Korea.

Dayang Nurzawanah turut mengongsikan bahawa beliau berasa puas hati apabila pelanggan memberi maklum balas positif dan ada ketikanya mereka memesan barang yang langsung tidak pernah beliau dengar atau lihat seperti produk penjagaan kulit yang tiada di negara ini.

Berkongsi mengenai cabaran, beliau berkata, kerjaya itu mungkin kelihatan seronok pada kaca mata sesetengah



PERKHIDMATAN Pembeli Peribadi atau Personal Shopper semakin popular dalam kalangan masyarakat melalui kecanggihan teknologi komunikasi di negara ini (atas kiri), manakala gambar atas, seorang Pembeli Peribadi, Dayang Nurzawanah Wajihah binti Mohamad.

orang, namun sebenarnya sebagai 'tukang beli', mereka memerlukan ketahanan mental dan fizikal serta kesabaran yang tinggi untuk melayan karenah pelanggan.

Sebagai seorang Pembeli Peribadi, Dayang Nurzawanah juga perlu bijak mengurus

tempahan yang banyak bagi mengelakkan kesilapan baik dari segi saiz atau fesyen, sehingga kadangkala terpaksa berulang-alik dari satu pusat beli-belah ke pusat beli-belah lain semata-mata mahu mendapatkan barang yang tepat.

2 premis perniagaan terima notis amaran

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kewangan dan Ekonomi



OPERASI bersepadu secara bulanan ke atas beberapa buah premis perniagaan di Daerah Tutong pada 14 Disember lalu.

TUTONG, Sabtu, 28 Disember. - Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan (IBE) melalui Unit Sukatan dan Timbangan (SDT) dan Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) melalui Jabatan Hal Ehwal Pengguna di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi mengadakan operasi bersepadu secara bulanan

ke atas beberapa buah premis perniagaan di Daerah Tutong pada 14 Disember lalu.

Hasil daripada operasi tersebut mendapat sebanyak 13 unit alat sukat dan timbang digunakan bagi tujuan perdagangan. Kesemua alat-alat berkenaan adalah sah, tepat dan berdaftar dengan Unit SDT selaras dengan Akta SDT

1983 (Penggal 151) dan Peraturan-peraturan (Penelitian) Alat-alat Sukatan dan Timbangan 1994 Ceraian 3 (1) dan (2).

Sementara itu, dua buah premis perniagaan didapati gagal mematuhi Akta Kawalan Harga (Penggal 142) dan Peraturan-peraturan di bawahnya iaitu Bab 3B dan Bab 5 masing-masing berkaitan dengan menjual melebihi harga maksimum yang ditetapkan bagi barang yang dikawal harga dan tidak mempamerkan tanda harga pada sebahagian barang yang dijual dalam premis perniagaan.

Berikutkan kesalahan-kesalahan tersebut, pihak JPES telah mengeluarkan dua notis amaran kepada premis-premis perniagaan berkenaan. Semasa operasi dijalankan, para peniaga juga dinasihatkan agar sentiasa patuh terhadap Akta Kawalan Harga (Penggal 142).

Para pengguna alat sukat dan timbang adalah dinasihatkan untuk memastikan alat-alat SDT yang digunakan semasa aktiviti jual beli yang melibatkan bacaan tanda berat, isi padu, ukur panjang dan lebar mempunyai pelekat pendaftaran yang mengandungi tempoh penggunaan yang sah yang dikeluarkan oleh Unit SDT.

Di samping itu, para peniaga disarankan agar sentiasa mempamerkan tanda harga dengan jelas dan betul dan

mengoptimumkan aplikasi mudah alih PenggunaBijak untuk mendapatkan harga maksimum terkini bagi barang dikawal harga dan seterusnya memastikan barang berkenaan tidak dijual melebihi harga maksimum yang ditetapkan.

Bagi sebarang pertanyaan lanjut, orang ramai boleh

menghubungi agensi-agensi berkenaan iaitu : Unit SDT melalui e-mel : sdt@mofe.gov.bn atau talian +673 2334092; dan Jabatan Hal Ehwal Pengguna, JPES melalui Talian Darussalam 123 dan aplikasi mudah alih PenggunaBijak atau e-mel kepada aduanpengguna@jpes.gov.bn.



ELAKKAN MENEKAN BREK JIKA KENDERaan AWDA TERBABAS

Biarkan kenderaan awda meluncur dan gunakan stereng untuk menghalakan kenderaan awda ke tempat yang selamat

سرواله سوی

منجلع تاهون بهارو ٢٠٢٥

کیت سلاکو هعبا الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى، دتونوت اوتنوق برمحاسبة، سام اد کیت تله میمفورناکن دان منونایکن سکلا کواجیچن يغ تله دفرینتهکن الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى کاتس کیت. این ترماسوقهه میلای کسوغکوهن کیت دالم منطاعی سکلا فرینته دان لارعن الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى سقرتی مندیریکن سنبیغ فرض لیما وقتو، منونیکن زکاة، برفواس، منجاوهي فربواتن موغکر سفترتی زنا، رباء، رسواه دان سأومقاماٹ.

دسمقیع ایت، کیت هندقله جوک میپیمک اتاو نمیقسسا سام اد کیت تله برحاصلی اناؤفون سبالیقین دالم ملقساناکن توکس، فرانن دان تھکوڠجواب يغ تله دامانهکن. جلک ستله محاسبة، توکس دان تھکوڠجواب کیت ایت اداله فد تاهف يغ بایک، مک براؤسهاله منوجو کاره دان تاهف يغ لیبه بایک لاکی. سبالیقین، ستله برمحاسبة، کیت مراساکن بهاو ماشیه تردافت ککورعن دان کلمهن، مک کیت هندقله مفترباکی ککورعن دان کلمهن ترسبوت، اولیه کران صفة مأنسی ایت مقویای بایق کلمهن دان ککورعن يغ فرلو کفڈ فرایعن، مک کیت هندقله سنتیاس برمحاسبة. این کران جلک کلمهن دان ککورعن این دیبارکن دعن بکیتو ساج، مک سوده ستتوں ای اکن میوکرکن کیت اوتنوق ملہت دان میلای کلمهن دیری سندیری دان لیبه جندروغ اوتنوق میلای کلمهن دان کبوروون اورغ لاین.

جماعه يغ درجمی الله،

افیل داتعن تاهون بهارو، مک ای سریع دکایتکن دعن سماحت دان عزم يغ بهارو. مقویای عزم مروفاکن سواتو فرکارا يغ مسیتی اد قد دیری سساورغ کران ای مروفاکن ساتو موتیواسی دان فندوروغ اکر کیت ملاکوکن سسواتو فرکارا اتاو فکرجان ایت دعن لیبه برسوڠکوه-سوغکوه. اولیه يغ دمکین، تاغکلله عزم يغ جیتو دان اوسها يغ برسوڠکوه-سوغکوه اکر کیت دافت منجاوی دان مفتروليبي اف يغ کیت حاجتکن.

آخرین، سوک تاهون ٢٠٢٥ يغ باکل منجلع این اکن مندوروغ کیت اوتنوق لیبه برجاجی منروکا ڦروپهن-قروپهن يغ برمعنی، بایک باکی دیری سندیری، ڪلوارک، مشارکت ماھوون نکارا. دسمقیع ایت، ماریله کیت برمحاسبة دان منانکن عزم باکی میغکنکن إیمان کیت اوتنوق سنتیاس ملاکوکن ڦروپهن اکر منجادی مسلم يغ لیبه بایک. موده-مودهن دعن يغ دمکین الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى اکن سنتیاس ملیمچهکن رحمتن کفڈ کیت سموا دان منجادیکن نکارا بروني دارالسلام ککال امان، دامای، معمور دان سجهترا دباوه ڦرليندوغن الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى. آمين يا رب العالمين.

کمودین افیل أغکاو تله برعزم (اوتنوق بربوات سسواتو سسوده برمشوارت) مک برتوکل له کفڈ الله (ملقساناکن). سسوغکوهن الله مغاسیبی اورغ-اورغ يغ برتوکل.

{ سورۃ آل عمران آیۃ: ۱۵۹ }

جماعه يغ درجمی الله،
برتفوی له کیت کحضرۃ الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دعن منیشکتکن کیمانن کفڈن.
سسوغکوهن اورغ يغ فالیغ مليا دسیسی الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى ایت ایاله اورغ يغ فالیغ
برتفوی. موده-مودهن کیت منجادی انسان يغ سنتیاس معیاغنی الله
سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى، برامله کجیان دان کسلامن ددنیا دان جوک دأخیرة.

جماعه يغ درجمی الله،

ماس بکیتو ڦانس برلالو. سدر اتاو ڦون تیدق، کینی کیت تله ڦون برادا
دفعهوجوغ تاهون دان هاري جمعه تراخیز باکی تاهون ٢٠٢٤. دالم ببراف
هاري سهاج لاکی تاهون ٢٠٢٤ اکن ملابوهکن تیراين دان باکل منیغکلکن
کیت سوا.

الحمدللہ، دسقنجع تاهون ٢٠٢٤ کیت برشکور کران تله دافت منعمنی
کھیدوون يغ ایان، دامای دان معمور ذیومی دارالسلام این، دان کیت
برهارف دتاهون بهارو يغ باکل منجلع نئی، سکلا نعمت کامانن، کداماین
دان کمعمورن ایت آکن برتروسن فولا دافت کیت نعمت دسقنجع تاهون
٢٠٢٥. اینله هارقن کیت، بوکن ساج اوتنوق بومی برتواه کیت بروتی
دارالسلام، ماله جوک اوتنوق سلوروه ورک دنیا دمان سهاج، سوک کیت
سام-سام دافت متعھافي ارتی کبهاکیان يغ سینتر-بنر.

مک اوتنوق ایت، ماریله کیت سام-سام مرفعکن راس شکور دان دعاء
کحضرۃ الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى، اکر نعمت کورنیان الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى این اکن سنتیاس
برککالن. یغتلہ، سکیران کیت لالای دان لیکا اتاو تیدق منشکوری نعمت
کورنیان الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى این، مک تیدق مستحبل نعمت این اکن هیلع ڦد بیلا-
بیلا ماں سهاج کران سوا نعمت يغ کیت میلیکی ہابلہ فینجامن سمات-
مات. الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى برفرمان دالم سورۃ ٻرہیم آیۃ: ٧:

دان (یغتلہ) کیتک توهن کامو میریتاھو (دعن سجلس-جلسن): "دمی
سسوغکوهن جلک کامو برشکور (ترهادف سکلا نعمتکو) تتو اکو اکن
منعنه نعمت ایت کفڈ کامو دان دمی سسوغکوهن جلک کامو کوفور
(ترهادف نعمت ایت) مک سسوغکوهن عذابکو ساغت کرام."

جماعه يغ درجمی الله،

دفعهوجوغ تاهون این مروفاکن وقوت يغ امت سسوای باکی کیت سموا
اوتنوق محاسبة، یايت میلای دان مفترباکی اکن کسیلافن دان اف جوا
ککورعن دیری سندیری. رسول الله ﷺ دام حديث بکیندا میغتکن
بهاؤ اورغ يغ سنتیاس برمحاسبة دان مفترباکی دیری ایت سباکی اورغ يغ
یتحقق. درڈ شداد بن اوس رضی اللہ عنہ، رسول الله ﷺ برمسیدا:
الکیس من دان نفسہ و عمل بما بعد الموت.

اورغ يغ یتحقق اداله مریک يغ برمحاسبة دیرین سندیری دان برعمل
اوتنوق کھیدوون سلفس کماتین. {حدیث روایة إمام ترمذی}

WAWASAN BRUNEI 2035

kalender 2025

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat



JANUARI

Rejab / Syaaban 1446

ISNIN	SELASA	RABU	KHAMIS	JUMAAT	SABTU	AHAD
		1	2	3	4	5
6	7	8	9	10	11	12
13	14	15	16	17	18	19
20	21	22	23	24	25	26
27	28	29	30	31		

1 JANUARI - AWAL TAHUN MASIHI
27 JANUARI - ISRAK DAN MIKRAJ

FEBRUARI

Syaaban 1446

ISNIN	SELASA	RABU	KHAMIS	JUMAAT	SABTU	AHAD
		1	2	3	4	5
3	4	5	6	7	8	9
10	11	12	13	14	15	16
17	18	19	20	21	22	23
24	25	26	27	28	29	30

24 FEBRUARI - ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-41 (SEBAGAI GANTI AHAD, 23 FEBRUARI)

MAC

Syaaban / Ramadan / Syawal 1446

ISNIN	SELASA	RABU	KHAMIS	JUMAAT	SABTU	AHAD
31*	1				1	2*
3	4	5	6	7	8	9
10	11	12	13	14	15	16
17	18	19	20	21	22	23
24	25	26	27	28	29	30

CUTI PERSEKOLAHAN PENGAL I - 16 MAC HINGGA 4 APRIL
3 MAC - AWAL RAMADAN 18 MAC - *NUZUL AL-QURAN
(*SEBAGAI GANTI AHAD, 2 MAC) 31 MAC - *HARI RAYA AIDILFITRI

APRIL

Syawal / Zulkaedah 1446

ISNIN	SELASA	RABU	KHAMIS	JUMAAT	SABTU	AHAD
	1	2	3	4	5	6
7	8	9	10	11	12	13
14	15	16	17	18	19	20
21	22	23	24	25	26	27
28	29	30				

CUTI PERSEKOLAHAN PENGAL I - 16 MAC HINGGA 4 APRIL
1 APRIL - HARI RAYA AIDILFITRI
2 APRIL - HARI RAYA AIDILFITRI

MEI

Zulkaedah / Zulhijah 1446

ISNIN	SELASA	RABU	KHAMIS	JUMAAT	SABTU	AHAD
		1	2	3	4	5
5	6	7	8	9	10	11
12	13	14	15	16	17	18
19	20	21	22	23	24	25
26	27	28	29	30	31	

31 MEI - HARI ULANG TAHUN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI (ADB) KE-64

JUN

Zulhijah 1446 / Muhamar 1447

ISNIN	SELASA	RABU	KHAMIS	JUMAAT	SABTU	AHAD
30	1				1	4
2	3	4	5	6	7*	8
9	10	11	12	13	14	15
16	17	18	19	20	21	22
23	24	25	26	27	28	29

CUTI PERSEKOLAHAN PENGAL II - 15 JUN HINGGA 22 JUN
7 JUN - *HARI RAYA AIDILADHA
28 JUN - AWAL TAHUN HIJRAH 1447 (SEBAGAI GANTI JUMAAT, 27 JUN)

JULAI

Muharam / Safar 1447

ISNIN	SELASA	RABU	KHAMIS	JUMAAT	SABTU	AHAD
	1	2	3	4	5	6
7	8	9	10	11	12	13
14	15	16	17	18	19	20
21	22	23	24	25	26	27
28	29	30	31			

15 JULAI - ULANG TAHUN HARI KEPUTERIAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-79

OGOS

Safar / Rabiulawal 1447

ISNIN	SELASA	RABU	KHAMIS	JUMAAT	SABTU	AHAD
	1	2	3	4	5	6
4	5	6	7	8	9	10
11	12	13	14	15	16	17
18	19	20	21	22	23	24
25	26	27	28	29	30	31

CUTI PERSEKOLAHAN PENGAL III - 10 OGOS HINGGA 22 OGOS

SEPTEMBER

Rabiulawal / Rabiulakhir 1447

ISNIN	SELASA	RABU	KHAMIS	JUMAAT	SABTU	AHAD
1	2	3	4	5	6	7
8	9	10	11	12	13	14
15	16	17	18	19	20	21
22	23	24	25	26	27	28
29	30					

6 SEPTEMBER - MAULUD NABI MUHAMMAD SALLALLAHU 'ALAIHII WASALLAM (SEBAGAI GANTI JUMAAT, 5 SEPTEMBER)

OKTOBER

Rabiulakhir / Jamadilawal 1447

ISNIN	SELASA	RABU	KHAMIS	JUMAAT	SABTU	AHAD
	1	2	3	4	5	6
6	7	8	9	10	11	12
13	14	15	16	17	18	19
20	21	22	23	24	25	26
27	28	29	30	31		

CUTI PERSEKOLAHAN PENGAL IV - 30 NOVEMBER HINGGA 31 DESEMBER

NOVEMBER

Jamadil

دعا موهن كقد الله سقاي ترسلامة درقد بلاء دان سكل جنیس چپاکیت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِيهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَنَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ 『3 كالي』.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ الْتَّامَاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ 『3 كالي』.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي
السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ 『3 كالي』.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدُ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْقُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبِّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ
اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ ذَاءً. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَخَنَا وَبِاللَّهِ
أَخْتَمَنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبَرُوتِ.
وَاعْتَصَمَنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلَنَا عَلَى الْحَمِيْرِ الَّذِي لَا
يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّنِي نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئَاتِ
الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي
كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْطَّعْنَ وَالْطَّاغُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ
وَقَنَا شَرَّ الْرَّدَى بِلْطِفَكَ يَا لَطِيفُ يَا حَبِيرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ
شَيْءٍ قَدِيرٌ 『3 كالي』.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِيهِ وَسَلَّمَ،
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan anaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahanatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkusa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

آية الكرسي

اللَّهُمَّ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ الْقَوْمُ لَا تَأْخُذُهُ سِنَةً وَلَا نَوْمٌ لَمَّا مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْهُ إِلَّا يَإِذْنَهُ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ وَسَعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ عَلَى الْعَظِيمِ ٦٥٥

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran air hujan rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna.

(صلوات تفرجية)

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَةً كَامِلَةً وَسِلِّمْ سَلَامًا تَائِدًا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي تَنْحَلُّ بِهِ الْعُقْدُ، وَتَنْفَرِجُ بِهِ الْكُرْبُ، وَتُقْضَى بِهِ الْحُوَاجُجُ، وَتُنَالُ بِهِ الْأَرْغَابُ وَحُسْنُ الْحَوَالِمِ، وَيُسْتَسْقَى الْغَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَاحِبِهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفْسٍ بِعَدِدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabulah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna.

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارِ

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، حَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ، وَأَنَا عَلَىٰ عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا أُسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنَعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِدَنَبِيِّ، فَاغْفِرْ لِي فِيَّهُ، لَا يَغْفِرُ الدُّنُوبُ إِلَّا أَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejadian yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذَكْرُ بِچاءِنْ يَعْ مُبَاوَا كَبْرَاوْ نَتوْعْنَ سَاعَتْ بَسْرَ كَثْدَ قَعْمَلَنْ (تَولُقْ بَلَاءَ)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

(3)

وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung juga).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ

(2)

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

(1)

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

يَا حَيُّ يَا قَيُومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغْفِيْثُ

(5)

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu juga, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

وَأَفْوَضُ أَمْرِيْ إِلَى اللَّهِ

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya kepada Allah juga).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsa seseorang, didapat enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.



JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN

Bilangan
Tawaran:
(161) JBS / ADM / QC / 2024

Keterangan:
Penyewaan Dan Pengendalian
Ruang Inkubator Keusahawanan
Belia Stadium Negara Hassanal
Bolkiah Bagi Tempoh Dua
(2) Tahun

**Yuran
Tawaran:**
BND5.00

**Tarikh
Tutup:**
16 Januari 2025.




KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN

Bilangan
Sebut Harga:
31 / DEC / 2024 / KKBS /
PJK / 16.105

Tajuk
Sebut Harga:
Dismantle, Dispose And
Replace New LPG Pipeline
For Kitchen At PKBN
Training Camp, Batu Apoi,
Temburong

Tarikh Tutup
Sebut Harga :
Khamis,
16 Januari 2025.
Jam 2.00 Petang.




KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN

Notis Sebut Harga

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
(08/24) KPN / DPK / PROC /
2024 / 2025
Sebut Harga Bagi Pembekalan
Sistem Komunikasi PABX Di
Bangunan Kementerian
Pembangunan

**Bayaran Yuran Dokumen
Sebut Harga:**
BND10.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Buka:
Isnin,
23 Disember 2024.

**Tarikh akhir pembelian dan
pembayaran
(secara atas talian):**
Khamis,
9 Januari 2025.

**Tarikh tutup menghantar
dokumen:**
Isnin,
13 Januari 2025.
Jam 9.00 Pagi.

Notis Tawaran

**Bilangan dan
Tajuk Tawaran:**
(07/24) KPN / DPK / P
ROC / 2024 / 2025
General Housekeeping Services
for The Ministry of Development
Building and Trade and
Training Centre Building,
Jalan Pembangunan,
Airport Lama Berakas,
Brunei Darussalam For
A Period Of 24 Months
(2025-2027)

**Bayaran Yuran Dokumen
Tawaran:**
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Buka:
Isnin,
23 Disember 2024.

**Tarikh akhir pembelian
dan pembayaran
(secara atas talian):**
Sabtu,
11 Januari 2025.

**Tarikh tutup
menghantar dokumen:**
Selasa,
14 Januari 2025.
Jam 2.00 Petang.

**Divisyen Pengurusan
Sumber Tenaga Manusia**

Bilangan Tawaran:
Q01 / KPN / DHRM / 2024-2025

Tajuk Tawaran:
To Supply, Conduct and Facilitate
In-House Training Programme -
Technical Report Writing Course
For Ministry Of Development,
Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran:
Q02 / KPN / DHRM / 2024-2025

Tajuk Tawaran:
To Supply, Conduct and Facilitate
In-House Training Programme -
**Effective Project
Management Course** For
Ministry Of Development,
Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran:
Q03 / KPN / DHRM / 2024-2025

Tajuk Tawaran:
To Supply, Conduct and Facilitate
In-House Training Programme -
**Kursus Microsoft Excel
(Basic Intermediate Advance)**
For Ministry of Development,
Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran:
Q04 / KPN / DHRM / 2024-2025

Tajuk Tawaran:
To Supply, Conduct and Facilitate
In-House Training Programme -
**Microsoft Words
(Basic Intermediate Advance)**
For Ministry Of Development,
Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran:
Q05 / KPN / DHRM / 2024-2025

Tajuk Tawaran:
To Supply, Conduct and Facilitate
In-House Training Programme -
**Kursus Data Analytics And
Visualisations With Power Bi**
For Ministry Of Development,
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Tawaran :
Isnin,
13 Januari 2025.
Sebelum Jam 9.00 Pagi.



KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN

**Bilangan
Sebut Harga:**
KSSUP / BPK / JKSH / ASET /
14 / 2024-2025

**Tajuk
Sebut Harga:**
Design, Print and Install Vinyl
Sticker Graphic to The Staircases
Ground Floor Lobby Area,
Ministry of Primary Resources
and Tourism."

**Tarikh Tutup
Sebut Harga:**
Khamis,
16 Januari 2025.
Jam 2.00 Petang.

**Tarikh
Taklimat:**
Sabtu,
11 Januari 2025.
Jam 9.00 Pagi.

**Yuran Setiap Satu
Sebut Harga:**
BND5.00 (Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara
Dalam Talian



**Bilangan
Sebut Harga :**
KSSUP / BPK / JKSH / ADMIN /
3 / 2024-2025

**Tajuk
Sebut Harga:**
Pembekalan Surat Khabar Ke
Kementerian Sumber-Sumber
Utama Dan Pelancongan
Bagi Tempoh Dua (2) Tahun.

**Tarikh Tutup
Sebut Harga :**
Khamis,
16 Januari 2025.
Jam 2.00 Petang.

**Tarikh Taklimat
(jika berkenaan):**
Rabu,
8 Januari 2025.
Jam 9.00 Pagi.

**Yuran Setiap Satu
Sebut Harga :**
BND5.00 (Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara
Dalam Talian



**Bilangan
Sebut Harga:**
KSSUP / BPK / JKSH / ADMIN /
2 / 2024-2025

**Tajuk
Sebut Harga:**
Penyediaan Jamuan Semasa
Latihan-Latihan, Raptai Dan Hari
Kemuncak Bagi Upacara Hari
Kebangsaan Yang
Ke-41 Bagi Tahun 2025

**Tarikh Tutup
Sebut Harga:**
Khamis,
16 Januari 2025.
Jam 2.00 Petang.

**Yuran Setiap Satu
Sebut Harga :**
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara
Dalam Talian




JABATAN BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAH
DALAM NEGERI

Iklan Tarikh Lanjutan

**Bilangan
Tawaran :**
JBBSB / SH / 2024 - 2025 / 57 /
UPA / 06

Keterangan Tawaran :

Penyewaan Ruang Bilik Bagi
Menjual Makanan Beku
(Ikan, Ayam dan Daging)
Di Bangunan Pasar Gadong

**Yuran
Pentadbiran :**
BND9.00 (Tidak dikembalikan)

**Tarikh
Tutup :**
Khamis,
2 Januari 2025.
Jam 2.00 Petang.





JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA

Tawaran Perkhidmatan Bagi Sekolah Ugama Dan Arab Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama Bagi Tempoh Tiga (03) Tahun

Sekolah Arab

1. No Tawaran:
KHEU / JPI / KANTIN-A / 03 / 06

Nama Sekolah Arab:

Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Katok

Bayaran:

BND10.00
(Bayaran Tidak Dikembalikan)

Sekolah Ugama

1. No Tawaran:
KHEU / JPI / KANTIN / 29 / 06

Nama Sekolah Ugama:

Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Majeedah Nuurul Bolkiah, Kampong Kilanas, Kawasan Brunei III

Bayaran:

BND10.00
(Bayaran Tidak Dikembalikan)



JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Negara Brunei Darussalam

Kelas:
II, III & IV

Kategori:
B01 & E1

Tarikh Buka Tawaran pada :
30 Disember 2024
(Isnin)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:
21 Januari 2025.
(Selasa)

Tarikh Tutup Pada :
28 Januari 2025.
(Selasa)

(Ditutup di Pejabat Lembaga Tawaran Kecil, di Tingkat Bawah Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam)

JASTRE / BTR / T017 / 2024
Cadangan Bagi Pembinaan Konkrit Slab Baru Untuk Gerai Perniagaan Dan Membekalkan Kelengkapan Perabot Di Kawasan Yang Ditetapkan Di Taman Rekreasi Pantai Muara.



Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Negara Brunei Darussalam

Tarikh Buka Tawaran pada :
23 Disember 2024.
(Isnin)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:
14 Januari 2025.
(Selasa)

Tarikh Tutup Pada :

No. Projek:
JASTRE / BTR / T017 / 2024

Jumlah Yuran Tawaran:
BND30.00 (Non Refundable)

IKLAN

Yuran Tawaran:
BND1,000.00
(Tidak dikembalikan)

Tempat Tutup :
Tender Box
Pengerusi Lembaga
Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri
Bangunan Jabatan
Perdana Menteri,
Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913
Negara Brunei Darussalam.

Kelayakan:
Pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan dalam Kelas IV, V atau VI Sahaja, dalam Kategori E02 & E03 dan mempunyai pekerja yang berdaftar dengan JPE dalam kategori E02 & E03.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Kaunter Unit Tawaran dan Sebut Harga, Tingkat 4, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.



21 Januari 2025.
(Selasa)

Sebelum jam 2.00 Petang.

(Ditutup di Pejabat Lembaga Tawaran Kecil, di Tingkat Bawah Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam)

JASTRE / BTR / T016 / 2024

Cadangan Bagi Kerja-Kerja Penanaman Rumput Di Taman Rekreasi Menteri Besar Bagi Tempoh Lima Belas (15) Bulan

No. Projek:
JASTRE / BTR / T016 / 2024

Jumlah Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)



Tajuk

Tawaran:

To Provide Services For Intergration, Configuration And Operation Of Audiovisual And Conference System For Majlis Mesyuarat Negara (MMN) 2025 At Bangunan Dewan Majlis,

Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat, Brunei Darussalam

Yuran

Tawaran:

BND15.00

Tarikh Tutup:

Selasa,
14 Januari 2025.
Jam 2.00 Petang.



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Kelas I & II
Sahaja Di Bawah
Kategori B 01 Sahaja

Bilangan
Tawaran:
JMM / JKSH / Q&T / 2024 / 34

Tajuk
Tawaran:
To Provide Accommodation Services For The 21st Legislative Council Meeting For Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat Brunei Darussalam

Yuran
Tawaran:
Percuma
Bilangan
Tawaran:

PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN) DI PELITA BRUNEI



IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA**.



- Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGKU :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.


IBU BAPA PERLU BIMBING ANAK PILIH KERJAYA

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Jabatan Penerangan

BANDAR SERI BEGAWAN,
Sabtu, 28 Disember. - Ibu bapa memainkan peranan penting dalam memberi sokongan kepada anak-anak untuk menentukan kerjaya bagi masa depan anak masing-masing.

Sebagai ibu bapa perlu membimbing dan mengenal pasti minat anak-anak sebagai persediaan awal pemilihan kerjaya bagi masa depan anak mereka dengan melakukan perbincangan terbuka dan mendengar dengan teliti kemauan anak dalam pemilihan kerjaya mereka.

Ibu bapa juga perlu memberikan maklumat dan nasihat mengenai kerjaya yang akan menjadi pilihan



anak-anak seperti menanyakan soalan mengenai cita-cita mereka apabila tamat alam persekolahan nanti.

Di samping itu, ibu bapa juga boleh membawa anak-anak mereka membuat lawatan-lawatan ke tempat kerja yang berkaitan dengan bakal kerjaya yang dipilih oleh anak-anak agar dapat memberi sedikit gambar dan maklumat mengenai kerjaya yang mereka inginkan.

Selain itu juga boleh membawa anak-anak mereka ke pameran-pameran kerjaya untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan untuk membantu mencapai cita-cita mereka.

GAMBAR hiasan... Dengan adanya bimbingan yang betul, anak-anak akan dapat membuat keputusan yang lebih baik selaras dengan bakat dan potensi diri mereka dalam menentukan kerjaya yang dipilih (kanan dan bawah kiri).



Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia Sila muat turun

PenggunaBijak

جاین فرانچائیز ایکونومی دان مستاتیسٹیک
JABATAN PERANGKAT DAERAH DAN STATISTIK
JABATAN HALIFAH PENGELUAR
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI



Bina
Kubu Digital
untuk
perniagaan
awda
hari ini.



Kenalpasti kelemahan siber dengan
perkhidmatan Penilaian Keterdedahan UNN

UNN
Empowering Digital Society



Jurutera Bertauliah CREST
Aset awda diuji oleh
jurutera bertauliah CREST



Pakej Disuai-Padan
Pakej kami direka khas
untuk pasaran Brunei



Penilaian Proaktif
Kami mengenal pasti
kelemahan dalam peranti
yang menghadap ke internet



Lindungi perjalanan digital awda sekarang.
Imbas Kod QR untuk maklumat lanjut.



unn.com.bn



unn.bn



Unified National Networks (UNN)



ANTARA belia yang mengikuti Program Menyantuni Warga Emas sempena Kempen Hari Bertindak (Day Of Action - DOA) 2024 yang berlangsung di Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE), Kampung Lambak Kanan, yang bertujuan untuk menggalakkan masyarakat melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelawanan dan menyumbangkan masa serta usaha mereka untuk membantu komuniti.

- Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.

PERSEMBAHAN daripada Ahli-ahli Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) Tutong pada Majlis Ramah Mesra PKWE sempena Sambutan Hari Antarabangsa Warga Emas 2024 yang berlangsung di Dewan Serbaguna, PKWE Tutong. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.



BERBAGAI-bagai jenis pakaian pengantin, yang menepati trend perkahwinan masa kini iaitu minimalis dan elegan, boleh didapati di butik baharu WeddingLoka, di Madang Junction. - Foto : Azmah Haji Ahad.

PEMENANG hadiah utama bagi Kempen Promosi Pembiayaan Hartanah Gmilang (Gmilang Property Financing Promotion Campaign) 2023-2024 anjuran Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (Perbadanan TAIB), Awang Haji Mohamad Azif bin Haji Ayop di dalam Toyota Cross Corolla baharu, yang kini miliknya. - Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.

BAZAR makanan OneCity Food Bazaar 2024 telah menerima sambutan yang menggalakkan daripada penduduk di negara ini. - Foto : Saerah Haji Abdul Ghani.



PENGUNJUNG-pengunjung yang memeriahkan Bandarku Ceria, salah satu tempat yang menjadi tumpuan bagi orang ramai untuk melakukan pelbagai aktiviti riadah secara persendirian dan bersama ahli keluarga, di ibu negara, di sini. - Foto : Saerah Haji Abdul Ghani.



GAGAL KEMUKA DOKUMEN : SEORANG WARGA ASING DITAHAN

Siaran Akbar dan Foto: Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 28 Disember. - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) ingin menyampaikan peringatan kepada orang ramai untuk sentiasa bertanggungjawab dan mematuhi Akta dan Peraturan Imigresen yang dikuatkuasakan pada masa ini.

Peringatan ini disampaikan berikutan Operasi Kabat 141/2024 yang dijalankan oleh Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang, Bandar Seri Begawan.

Operasi Kabat menyasarkan premis perniagaan di Mukim Gadong 'B' dan hasil pemeriksaan mendapati seorang warga asing telah ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang bagi siasatan lanjut kerana gagal

mengemukakan dokumen asal. Individu tersebut dipercayai melakukan kesalahan di bawah Bab 15(1), Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu tinggal lebih masa di negara ini setelah Pas Imigresennya mansuh. Hukuman bermula pada 24 Disember 2024.

Kes pendakwaan ini merupakan hasil daripada Operasi Sepadu Trick 2 anjuran Pasukan Polis Diraja Brunei, Daerah Belait.

Ke arah meningkatkan aktiviti penguatausaan undang-undang berkaitan warga asing di Negara Brunei Darussalam, jabatan ini sentiasa mengalu-alukan orang ramai untuk memberikan maklumat berhubung pesalah imigresen dengan menghubungi talian JIPK menerusi talian 8734888 / 8753888 (Bandar Seri Begawan) / 8984111 (Kuala Belait).

OPERASI Kabat 141/2024 yang dijalankan oleh Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang, Bandar Seri Begawan.



6 kesalahan dikesan semasa Operasi Siaga



BAHAGIAN Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Buruh mengendalikan Operasi Siaga 288/2024 pada 21 Disember 2024 bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Perintah Pekerjaan 2009 dipatuhi oleh para majikan.

Siaran Akbar dan Foto: Jabatan Buruh

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 28 Disember. - Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Buruh telah mengendalikan Operasi Siaga 288/2024 pada 21 Disember 2024 bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Perintah Pekerjaan 2009 dipatuhi oleh para majikan.

Pemeriksaan yang telah dijalankan bagi kegiatan menjual telefon bimbit dan aksesori di Kawasan Kampung Jaya Setia telah mendapati sebanyak enam kesalahan di bawah Perintah Pekerjaan, 2009 yang dilakukan oleh majikan kepada pekerja-pekerja tempatan iaitu Bab 10 Majikan tidak disediakan kontrak perkhidmatan secara bertulis, Bab 39 Gaji pekerja lambat dibayar, Bab 44 Membuat pemotongan gaji pekerja yang tidak dibenarkan, Bab 70 Gagal memberikan cuti pada hari kelepasan awam yang diwartakan, Bab 71 Gagal memberikan cuti tahunan dan Bab 72 Gagal memberikan cuti sakit yang disahkan oleh pengamal perubatan.

Bagi kesalahan melanggar Perintah Pekerjaan 2009, jika didapati, majikan boleh dikenakan denda kompaun tidak lebih daripada BND1,000 bagi tiap-tiap kesalahan. Jika gagal membayar denda kompaun tersebut, majikan akan dihadapkan ke mahkamah.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebajikan pekerja selaras dengan kehendak Perintah Pekerjaan, 2009 seperti menyediakan kontrak perkhidmatan yang ditandatangi oleh majikan dan pekerja, majikan hendaklah memberikan cuti hari kelepasan awam yang diwartakan, memberikan cuti tahunan berbayar dan cuti sakit yang disahkan oleh pengamal perubatan hendaklah dibayar oleh majikan.

Untuk maklumat lebih lanjut bolehlah berhubung dengan Jabatan Buruh menerusi talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).

KETAHUI SUMBER GARAM AWNA

JUMLAH SODIUM DALAM SATU HIDANGAN

	1385 mg	1000 mg	880 mg
1 bungkus Mee Segera	1385 mg	1000 mg	880 mg
Sebiji Telur Masin	376 mg	295 mg	243 mg
1 sudu makan Kicap	376 mg	295 mg	243 mg
1 bungkus kecil Keropok Ubi Kentang	120 mg	116 mg	15 mg
1 bungkus kecil Keropok Udang Tempatan	120 mg	116 mg	15 mg
1 cawan Kentang Goreng	2.4 mg	1.7 mg	1.2 mg
Segenggam Kacang Tanah (Salted)	2.4 mg	1.7 mg	1.2 mg
3 keping Kraker Beras	2.4 mg	1.7 mg	1.2 mg
1/2 cawan Amping	2.4 mg	1.7 mg	1.2 mg
Segenggam Kacang Tanah (Unsalted)	2.4 mg	1.7 mg	1.2 mg
Sebiji ukuran sederhana Pisang	2.4 mg	1.7 mg	1.2 mg

GARAM TERDIRI DARI 40% SODIUM

TIPS

- 1 Pilih makanan segar dan tidak berproses
- 2 Pilih produk makanan yang berlabel pilihan lebih sihat
- 3 Pilih produk makanan kurang / rendah / tanpa garam
- 4 Kurangkan pengambilan sup dan kuah yang masin
- 5 Elakkan makanan terlalu masin: ikan masin, telur masin, asam samboi dan pelbagai jenis jeruk

Bagi mengekalkan kesihatan yang baik, adalah disyorkan untuk mengambil kurang dari satu sudu teh garam (5 gram garam atau 2000 miligram sodium) sehari

Pengambilan garam yang berlebihan boleh menyebabkan penyakit darah tinggi, meningkatkan risiko awda menghidap penyakit jantung dan strok

QR code

hpcbrunei

Health Promotion Centre

Talian Darussalam 123



INFO Teknologi

Fahami cara teknologi berfungsi dengan pengekodan

Oleh : Nurhamiza Haji Roslan
Foto : Ihsan Freepik

Pendahuluan

PENGEKODAN atau *coding* ialah cara berkomunikasi dengan komputer. Ianya adalah proses menulis arahan untuk diikuti komputer bagi melaksanakan tugas-tugas tertentu. Arahan-arahan ini ditulis dalam bahasa pengaturcaraan seperti Python, Java, C++, JavaScript atau banyak lagi. Pengekodan yang juga boleh dipanggil bahasa pengaturcaraan ialah bahagian asas bagi banyak teknologi yang kita gunakan setiap hari, walaupun kita tidak selalu melihatnya. Ia berada di belakang tabir kebanyakan sistem digital, daripada aplikasi, laman web hingga ke peranti dan sistem pintar. Inilah cara *coding* digunakan dalam aktiviti harian.

Kegunaan dan kepentingan pengekodan

Pengekodan boleh digunakan untuk mencipta semua jenis perisian seperti aplikasi mudah alih, laman web, permainan video dan sistem-sistem digital yang boleh digunakan dalam menjalani perusahaan atau perniagaan. Setiap aplikasi yang kita gunakan yang ada di dalam telefon pintar kita, laman web yang sering kita layari dan setiap permainan video yang kita mainkan dicipta menggunakan kod.

Selain itu, pengekodan boleh digunakan untuk mengautomatikkan tugas-tugas seperti tugas berulang atau tugas-tugas kompleks yang akan memakan masa atau tugas yang mudah terjadi kesilapan jika dilakukan secara manual. Sebagai

contoh, tugas yang boleh diautomatikkan menggunakan kod ialah kemasukan data, menghantar e-mel automatik atau melakukan pengiraan kewangan. Pengekodan juga boleh digunakan sebagai solusi masalah tertentu seperti penciptaan alat penjejak untuk menjelajah inventori, membina program untuk menganalisis data atau pembangunan perisian untuk mengurus perniagaan.

Semua peranti moden, termasuk telefon pintar, tablet, komputer, peralatan pintar dan banyak lagi, bergantung pada pengekodan untuk berfungsi. Pengekodan digunakan untuk membangunkan sistem pengendalian dan aplikasi yang membolehkan peranti-peranti ini melaksanakan tugas mereka. Ia juga merupakan asas kepada penciptaan Kecerdasan Buatan (AI) dan model pembelajaran mesin yang menggerakkan ciri-ciri seperti sistem cadangan yang selalu kita lihat pada aplikasi streaming seperti Netflix dan YouTube dan pada aplikasi pengecaman suara seperti Siri, dan pada aplikasi-aplikasi yang tersedia pada kenderaan autonomi.

Pengekodan merupakan tugas yang penting kerana ia adalah intipati sektor teknologi, yang merupakan pendorong utama pertumbuhan ekonomi di seluruh dunia. Ia juga menyumbang kepada penyelesaian kreatif kepada masalah yang kompleks, yang boleh membawa kepada penghasilan produk, perkhidmatan dan teknologi baharu. Ia juga boleh membawa kepada penciptaan pelbagai peluang pekerjaan baharu dalam pelbagai bidang yang melibatkan kerja-kerja pembangunan perisian atau berkaitan keselamatan

siber, sains data dan kecerdasan buatan ataupun AI.

Kegunaan pengekodan dalam aktiviti harian

Kebanyakan sistem digital dan teknologi yang kita gunakan untuk aktiviti harian berasaskan pengekodan dan kadang-kadang kita tidak menyedariinya atau mengetahuinya. Contoh paling jelas ialah telefon atau peranti pintar yang sering kita gunakan. Sistem pengendalian telefon pintar serta aplikasi yang ada pada peranti pintar yang sering digunakan, menggunakan berjuta-juta baris kod untuk membina sistem pengendalian telefon tersebut seperti Android atau iOS. Kod-kod ini bertanggungjawab dalam mengurus tugas, sumber dan operasi perkakasan komputer yang ada dalam peranti yang digunakan. Selain itu, aplikasi seperti permainan video, penjejak kecergasan atau aplikasi media sosial dibina menggunakan pengekodan yang menggunakan program bahasa pengaturcaraan seperti Kotlin, Java atau Swift. Aplikasi untuk menghantar mesej pula seperti WhatsApp, Facebook Messenger bahkan e-mel juga dikodkan untuk mengendalikan penghantaran, penerimaan dan paparan mesej dengan selamat.

Selain daripada aplikasi media sosial, laman sesawang juga dibina menggunakan pengekodan dan bahasa pemrograman yang digunakan ialah seperti HTML, CSS dan JavaScript. Kod yang digunakan akan menentukan bagaimana kandungan pada laman sesawang yang dibina akan dipaparkan dan bagaimana ciri-ciri yang ada

akan berinteraksi dengan pengguna. Sebagai contoh, laman sesawang e-Dagang, pengekodan yang digunakan untuk laman sesawang seperti ini akan memuatkan fungsi-fungsi atau ciri-ciri yang boleh berinteraksi yang khusus untuk penjualan dan pembelian barang atau perkhidmatan dalam talian serta ciri-ciri berkaitan seperti fungsi carian, pengesyoran produk, pemprosesan pembayaran dan pengurusan inventori.

Ciri-ciri canggih yang terdapat pada telefon ataupun peranti pintar seperti *virtual assistant* ataupun pembantu maya seperti Alexa, Siri atau Google Assistant juga wujud dengan adanya pengekodan dan ia bergantung pada pengekodan kompleks untuk memproses penggunaan seperti arahan suara, menjawab soalan atau mengawal peranti secara *remote* atau dari jauh. Peranti pintar khusus untuk kegunaan di rumah seperti termostat pintar, lampu pintar atau sistem keselamatan juga menggunakan pengekodan untuk membenarkan penggunaan kawalan jauh dan automasi. Jam tangan pintar tidak terkecuali daripada menggunakan pengekodan. Dengan adanya pengekodan, pengguna boleh menggunakan jam tangan pintar untuk fungsi seperti penjejak kecergasan, pengiraan jumlah kalori yang telah dibakar semasa bersenam, pengiraan langkah dan sebagainya.

Pengekodan ialah kemahiran asas dalam dunia moden yang penting. Ia adalah asas literasi digital dan kecekapan teknologi dan sangat berguna untuk membina pelbagai aplikasi digital, permainan dan banyak lagi. Ia adalah penting untuk kita memahami cara teknologi berfungsi.





Penyesalan yang tidak didambakan

Oleh : Dian Bunga

Ilustrasi : Seksyen Reka Kreatif, Bahagian Pelita Brunei

AKU Qistina Humaira. Orang panggil aku Maira. Aku berumur 28 tahun dan pada masa ini bekerja sendiri setelah tiga tahun menjadi penganggur ternama di rumah. Aku adalah graduan kursus pembangunan. Bukan salah aku. Aku bukan seorang yang jenis memilih pekerjaan. Bukti? Aku pernah bekerja di beberapa sektor swasta sebelumnya akan tetapi, aku selalu dibuli di tempat pekerjaan, ataupun gaji tidak setimpal dengan pekerjaan yang diberikan. Aku juga selalu memohon semua jawatan, termasuk jawatan pembersih. Agak gila bukan? Tapi itulah hakikatnya. Sijil-sijilan ku mungkin tertimbus dengan pengalaman-pengalaman orang lain. Mungkin nasib aku agaknya. Lagipun, aku rasa sebagai manusia kita mesti mempunyai had batas. Aku tidak mahu menjadi hamba kepada pekerjaan, yang mana membuka peluang kepada syarikat-syarikat yang kedekut dan tidak beretika untuk mengambil peluang untuk mengeksploitasi kakitangan.

Aku nekad berhenti dari pekerjaan di sektor swasta yang mana membuatku ragu-ragu akan kebahagiaan aku sendiri walaupun mereka sempat memujukku dengan memberikan aku gaji yang lebih besar. Terlambat. Aku tahu dengan penambahan gaji tersebut kontrakku akan diperpanjangkan dan aku akan tua sebelum usia jika aku menerima tawaran tersebut, aku telah berinisiatif untuk bekerja sendiri. Aku menjalankan perniagaan kecil-kecilan menyediakan hantaran perkahwinan, mendekorasi untuk majlis hari jadi ataupun membuat kek pengantin yang bertemakan klasik.

Aku belum memerlukan pembantu peribadi kerana aku selesa bekerja seorang diri. Aku selalu sibuk membuat pelan untuk tempahan yang ada dan alhamdulillah rezeki

membuatkan aku begitu sibuk. Jadualku kadang mengalahkan sibuknya seorang menteri negara, bak kata Siti, kawan rapatku dari sekolah menengah lagi. Siti bekerja di salah sebuah jabatan kerajaan. Kami selalu berjumpa sebulan sekali sahaja dan selain daripada itu, teks sebagai kata hubung bagi kami berdua.

Dek sibuknya diriku, aku selalu lupa umurku akan segera bertambah ke big 30. Orang panggil, andartu. Anak dara tua. Bagiku perkahwinan adalah suatu pilihan, di masa yang tepat dengan tahap kesediaan masing-masing. Aku pernah bermimpi untuk berkahwin awal ketika aku di tingkatan enam atas. Al-maklum, ketika waktu itu aku mungkin terpengaruh dengan cerita islamik yang mempertontonkan dan menormalisasikan *taaruf*, cinta selepas nikah dan sebagainya. Tetapi, *mindset* ku berubah bila aku menjelaskan kaki ke universiti. Aku lebih faham bahawa pernikahan bukan hanya mengenai keindahan semata-mata, bahkan lebih kepada cabaran dalam bertanggungjawab akan sesuatu hubungan dan jalinan ikatan yang terikat lagi kuat sekiranya dikurniakan zuriat. Aku bukan sahaja mesti memikirkan apa yang aku mahu tetapi apa yang anakku mahu di kemudian hari sekiranya aku disia-siakan oleh suami. Aku mulai tertanya-tanya jika pernikahan muda memang berlandaskan untuk menjalani ibadah bersama atau lebih kepada melayan hawa nafsu semata?

Prinsipku hanya satu, berkomitmen, bila aku rasa aku cukup sedia untuk segala kemungkinan yang ada, aku sendiri akan membuat keputusan untuk berkahwin. Dari segi mental, mungkin aku boleh beradaptasi. Tetapi dari segi kewangan dan fizikal, ada beberapa keraguan di sana. Aku sudah mengira-ngira kos-kos perkahwinan, *split bill*

ala Gen Z. Aku bukanlah wanita yang berharap aku akan dipinang dan dibayarkan semua kos-kos perkahwinan secara penuh. Memikirkan jumlah yang akan ku belanjakan untuk perkahwinan pun sudah membuat aku berasa kecut perut. Ditambah lagi dengan perangaiku yang teramatlah naif, aku rasa aku bagaikan menempah bala. Belum lagi memikirkan perbelanjaan sekiranya berumah sendiri dan mempunyai anak.

"Anak tu rezeki Maira, adalah rezeki lepas nikah nanti dan rezeki anak". Bagiku pandangan ini dipakai sewenang-wenangnya. Dari pandangan aku sendiri, sebelum berkahwin amatlah penting untuk aku mengetahui komitmen bakal suami dan cara menguruskan kewangan jika ada zuriat nanti. Ini kerana bagiku sendiri, anak adalah rezeki, tetapi manusia lupa yang anak juga amanah. Aku akan dipersoalkan sekiranya aku gagal memberi mereka kehidupan yang selayaknya. Aku mestilah memastikan aspek makan, pakaian, pendidikan, agama dan kasih sayang yang sesempurna mungkin untuk anak-anakku. Membesarkan anak mungkin mudah, tetapi memanusiakan anak-anak adalah sesuatu yang bukan semua ibu-bapa mampu lakukan.

Aku bangun pada pagi itu seperti biasanya. Aku membuat sarapanku dan bersiap sedia untuk membeli beberapa kelengkapan untuk tempahan minggu itu. Aku memandu dengan santai ke kedai Soon Lee yang berhampiran rumahku. Bila aku mengambil bakul untuk perbelanjaan, aku terjumpa seseorang yang memang selalu dalam doaku tapi bukan supaya dijumpankan tetapi supaya tidak bertentang mata sama sekali. Dia mungkin penyebab mengapa pemikiranku untuk berkahwin awal berubah. Kami pernah menjalin perkenalan semasa di tingkatan enam. Dia berjanji untuk mengahwiniku sebelum dia berangkat ke Universiti Liverpool kerana dia ditawarkan biasiswa di sana. Isyraq. Aku sempat mempercayainya dan mengagumi

perwatakannya dan mungkin latar belakangnya. Dia adalah salah seorang senior yang aku segani, berstatus tinggi juga pandai dalam pelajaran akademik dan kewibawaannya meyakinkan aku bahawa dia mampu menjadi imam bagi membina keluarga. Tapi segalanya hancur bila dia meninggalkan aku di saat aku memerlukan sokongan selayaknya. Dia memilih untuk bersama seseorang yang sama taraf pandai dan status sosialnya. Setelah menjanjiaku aku bulan dan bintang, dia membuangku tanpa memikirkan harapanku yang hancur ranap.

Aku bergegas ke kaunter dan segera mahu meninggalkan kedai. Tiba-tiba, "Maira? Maira!" panggil Isyraq. Aku buat-buat tidak mendengar panggilannya. Isyraq mengejarku dan mencuba menghalang aku dari melangkah lebih jauh. "Siapa kau? Apa yang kau mahu dariku?" tanyaku dengan nada perlahan. "Aku Isyraq, Maira. Aku hendak meminta maaf darimu. Aku mencarimu di mana-mana setelah aku pulang dari luar negara. Mengapa kau menghindariku? Aku tahu aku salah tetapi aku mesti menjelaskan apa yang terjadi, Maira," jelas Isyraq tercungap-cungap. "Cukup Isyraq, apa yang sudah terjadi sudah takdir. I don't need your explanation anymore. Its too late and we are both old". Aku menolaknya ke tepi dan melangkah ke keretaku. Airmata ku merembus laju keluar. Mungkin kalau kau mengejarku dulu seperti itu, akan ku beri kemaafan. Tetapi, kau hadir tatkala aku tidak memerlukanmu lagi di dalam hidupku.

Terkadang, sesuatu perhubungan bagiku lebih baik dibiarkan saja tanpa penjelasan. Aku berdoa semoga aku tidak lagi akan berjumpa dengan dirinya, kerana ianya cukup untuk menyakitku dan aku tidak mahu lagi kembali ke zaman itu. Penyesalan memang selalu terlambat dan tidak semua penyesalan dapat dijelaskan dan ada kepentingan untuk diselesaikan.



ePaper Pelita Brunei



WBC sertai Kejohanan Boling Padang Terbuka Triples di Labuan



KELAB Boling Padang Wisdom (WBC) dari Negara Brunei Darussalam bergambar ramai pada Kejohanan Boling Padang Terbuka Triples sempena Ambang Tahun Baharu 2025 yang berlangsung di Arena Boling Padang, Wilayah Persekutuan Labuan, Malaysia.

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Ihsan Kelab Boling Padang Wisdom

LABUAN, Ahad, 29 Disember. - Kelab Boling Padang Wisdom (WBC) dari Negara Brunei Darussalam kembali mewarnai Kejohanan Boling Padang serantau selepas berehat panjang daripada menyertai sebarang kejohanan dalam tempoh lebih setahun.

Sebagai penutup tirai tahun 2024 ini, dua pasukan WBC bertanding pada Kejohanan Boling Padang Terbuka Triples sempena Ambang Tahun Baharu 2025 yang berlangsung di Arena Boling Padang, Wilayah Persekutuan Labuan, Malaysia yang membuka tirainya pada Sabtu lepas.

Rombongan seramai enam pemain WBC tersebut diketuai oleh Ketua Jurulatih Kelab berkenaan, Awang Haji Abdul Ghafar bin Pehin Orang Kaya Laksamana Dato Seri Setia Haji Mohd. Taha.

Lebih 50 buah pasukan berentap pada kejohanan kali ini termasuk daripada Kepulauan Borneo dan Semenanjung Malaysia.

Pada perlawanan pembukaan, WBC 'A' menewaskan Jesselton Bowls 19 - 10 manakala WBC 'B' mengalahkan Jesselton Bowls 'X' 18 - 12.

Kejohanan tahunan ini akan melabuhkan tirainya pada tengah malam 31 Disember menjelang 1 Januari 2025. Penyertaan pada kejohanan ini akan menjadi perintis semula kepada penyertaan kelab berkenaan di beberapa lagi kejohanan di luar negara pada tahun 2025 dan tahun seterusnya seperti mana lazimnya mereka sertai sebelum ini.

KETERSEDIAAN DEWAN SUKAN MUDAHKAN PELBAGAI PILIHAN

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 28 Disember. - Dengan bertambahnya penggemar dan pemain sukan badminton kebelakangan ini, ketersediaan dewan-dewan dan gelanggang badminton jelas merupakan satu kemudahan yang diperlukan bagi menampung permintaan orang ramai, sama ada dewan persendirian, kompleks sukan, maupun dewan badminton milik kerajaan.

Ketersediaan fasiliti sukan badminton di keempat-empat daerah, baik dalam kawasan bandar maupun luar bandar, setentunya memudahkan pemain untuk membuat pilihan dari segi lokasi, kemudahan dewan dan caj penggunaan.

Sehubungan itu, Pelita Brunei membuat tinjauan ke salah sebuah dewan badminton di Kampung Mulaut, iaitu Markaz Badminton Aye91 (Markaz), sebuah dewan persendirian milik keluarga Awang Khairul Kasyfi bin Mohd Alini.

Menurut Awang Khairul Kasyfi, idea untuk membina dewan tersebut tercetus apabila beliau melihat semakin ramai anak muda atau remaja bermain badminton, termasuk dirinya

sendiri yang berusia 17 tahun.

Dewan yang mula beroperasi sejak Julai 2023 itu menyediakan beberapa kemudahan, termasuk tiga gelanggang badminton, tandas, surau, bilik persalinan, dan jualan minuman.

Menyentuh mengenai sambutan orang ramai sejak dewan itu dibuka, beliau berkata sambutan yang diterima semakin menggalakkan disebabkan keselesaan gelanggang yang disediakan oleh Markaz.

Beliau turut mengalaukan lebih ramai pemain untuk menggunakan dewan Markaz dan berharap suatu hari nanti Markaz akan melahirkan pemain yang boleh diketengahkan ke peringkat lebih tinggi, sama ada peringkat negara maupun antarabangsa.

Dari segi pemilihan dewan, lokasi dan juga kemudahan dewan, terutamanya gelanggang, merupakan antara faktor utama yang menjadi keutamaan pilihan milik keluarga Awang Khairul Kasyfi bin Mohd Alini.

Bagi Shafwan Sipul dan rakanannya, Muqri Moss, mereka sering bermain di beberapa buah dewan sekitar kawasan Mulaut berhampiran lokasi tempat tinggal mereka, namun juga pernah mencuba bermain di



KETERSEDIAAN kemudahan sukan memainkan peranan penting dalam menggalakkan aktiviti fizikal, selain menjaga kesihatan dan mengekalkan gaya hidup sihat seseorang individu.

dewan-dewan lain seperti di Kampung Jerudong, Kampung Tanah Jambu, dan Beribi.

"Lantai gelanggang juga memainkan peranan penting bagi keselesaan semasa bermain dan juga bagi mengelakkan kecederaan. Jika lantai gelanggang tidak stabil, ia boleh mendatangkan risiko kecederaan," ujar Shafwan Sipul.

Selain itu, tambah Muqri Moss, kemudahan dewan juga diambil

kira seperti tandas, bilik persalinan, surau serta kawasan tempat letak kereta yang luas dan mencukupi bagi pemain.

Caj penggunaan dewan juga merupakan satu faktor dalam pemilihan dewan, yang mana pada masa ini, harga caj adalah antara BND8 hingga BND14 untuk satu jam pemakaian, tertakluk kepada gelanggang yang digunakan.

Mereka turut mengongsikan bahawa lazimnya mereka

bermain badminton selepas waktu bekerja, dan bermain badminton juga merupakan salah satu cara untuk mengurangkan tekanan selepas sehari bekerja selain membantu mengekalkan tahap kesihatan yang baik.

Sesungguhnya, ketersediaan kemudahan sukan memainkan peranan penting dalam menggalakkan aktiviti fizikal, selain menjaga kesihatan dan mengekalkan gaya hidup sihat seseorang individu.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

TANAMKAN AZAM YANG JITU, USAHA BERSUNGGUH-SUNGGUH AGAR KITA DAPAT MENCAPAI APA YANG DIHAJATKAN